- 7.2 **Bendahari KSB** memaklumkan jumlah dividen yang dicadangkan ialah sebanyak 10 % dan syer bonus sebanyak 5% ke atas modal syer anggota.
- 7.3 **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Dr. Haji Arriffin bin Mansor** meminta penjelasan mengenai ketiadaan Laporan Juruaudit ke atas penyata kewangan KSB dan subsidiari-subsidiarinya bagi tahun 2014 di dalam Buku Laporan Tahunan 2014 yang mana telah diposkan dalam tempoh 15 hari sebelum MAPT KSB Ke-31. Menurut beliau, Laporan Juruaudit tersebut hanya diedarkan sehari sebelum MAPT KSB ini. Beliau menyatakan kebimbangan samada akaun-akaun teraudit tersebut boleh diluluskan di MAPT KSB ini atau sebaliknya.
- 7.4 **Bendahari KSB** memaklumkan bahawa Laporan Juruaudit (SKM) berserta ulasan Lembaga ke atas penyata kewangan KSB bagi tahun 2014 dibentangkan seperti di Kembaran 1 (warna ungu) dari muka surat 7 hingga 13.
- 7.5 **Perwakilan Pulau Pinang B, Haji Abd Aziz bin Mohd Salleh** meminta penjelasan mengenai perbelanjaan anggota Lembaga yang tinggi terutama Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari yang mencecah sebanyak RM248,910.00 seperti yang dinyatakan di dalam Buku Laporan Tahunan 2014, muka surat 80. Beliau inginkan kepastian samada Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari dibayar elaun sekiranya menghadiri mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa dan subsidiari-subsidiari memandangkan ketiga-tiga mereka menerima elaun tetap bulanan.
- 7.5.1 Beliau berpendapat laporan Jawatankuasa Audit Dalaman kurang memuaskan terutama ke atas ketiadaan Laporan Juruaudit (SKM) seperti yang dinyatakan oleh Perwakilan Wilayah Persekutuan, Dr. Haji Arriffin bin Mansor.
- 7.6 **Bendahari KSB** berpendapat elaun-elaun anggota Lembaga tersebut adalah berpatutan dengan kerja-kerja yang dilaksanakan. Beliau juga menyatakan elaun-elaun anggota Lembaga telah diluluskan di MAPT KSB yang lalu dan berjanji akan berusaha mengawal perbelanjaan anggota Lembaga.
- 7.7 **Perwakilan Kelantan C, Haji Mahmood bin Mohamad** mencadangkan Agenda 7 diluluskan dan **Perwakilan Pulau Pinang B, Haji Abd Aziz bin Mohd Salleh** menyokong serta dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

AGENDA 8 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN BELANJAWAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA BAGI TAHUN 2015 DAN 2016

- 8.1 **Bendahari KSB** membentangkan Belanjawan Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya bagi tahun 2015 dan 2016 di dalam Buku Laporan Tahunan 2014, dari muka surat 104 hingga 107 untuk ditimbang dan diluluskan.
- 8.2 **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Dr. Haji Arriffin bin Mansor** ingin mendapat penjelasan samada perkara "liabiliti luar jangka" di dalam penyata kewangan Koperasi Shamelin Berhad di dalam Buku Laporan Tahunan 2014, muka surat 78 telah diambil kira di dalam penyediaan Belanjawan tahun 2016. Liabiliti luar jangka yang dimaksudkan ialah tuntutan ke atas kes VC Gold berjumlah RM2.066 juta dan Syed Abdul Rahman bin Syed Mohd berjumlah RM0.289 juta.

- 8.2.1 Beliau juga inginkan penjelasan mengenai perkembangan kes VC Gold ini.
- 8.3 **Bendahari KSB** menjelaskan liabiliti luar jangka ini tidak diambil kira di dalam Belanjawan tahun 2016 memandangkan kedua-dua kes ini masih di dalam perbicaraan di mahkamah.
- 8.4 **Setiausaha KSB** menjelaskan mengenai kes yang mana 6 orang pelabur VC Gold telah menyaman Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiarinya, KSB Hartanah Sdn Bhd masih dalam perbicaraan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.
- 8.4.1 Beliau juga memaklumkan KSB telah memenangi kes tuntutan Syed Abd Rahman bin Syed Mohd di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun beliau telah mengemukakan rayuan di Mahkamah Rayuan dan tarikh perbicaraan semula masih belum ditetapkan.
- 8.5 **Perwakilan Terengganu, Haji Ismail bin Muda** ingin mendapat penjelasan samada cadangan SKM di dalam Laporan Juruauditanya di Kembaran 1 (Warna Ungu) agar KSB memberi peruntukan rosotnilai ke atas pelaburan-pelaburannya yang gagal telah diambil kira di dalam Belanjawan tahun 2015.
- 8.5.1 Beliau juga mencadangkan agar diadakan laporan perbandingan pencapaian bagi tahun 2014 dengan belanjawan yang telah diluluskan.
- 8.5.2 Beliau juga menyarankan agar subsidiari-subsidiari yang mengalami kerugian ditutup.
- 8.6 **Bendahari KSB** menjelaskan yang akaun tahun 2014 ini telah diaudit oleh SKM yang mana telah mengikut garis panduan yang ditetapkan.
- 8.6.1 Mengenai persoalan peruntukan rosotnilai ke atas pelaburan-pelaburan, beliau menyatakan ianya telah diambil kira di dalam Belanjawan tahun 2015 di dalam Buku Laporan Tahunan 2014, muka surat 106.
- 8.6.2 Beliau juga menyatakan laporan perbandingan pencapaian bagi tahun 2014 dengan belanjawan yang telah diluluskan adalah seperti dibentangkan di dalam Buku Laporan Tahunan 2014, dari muka surat 102 dan 103.
- 8.7 **Perwakilan Perlis, Encik Anuar Zaki bin Bakar** ingin penjelasan mengenai tujuan penubuhan Jawatankuasa Siasatan seperti yang terdapat di dalam Buku Laporan Tahunan 2014, mukasurat 36. Beliau juga ingin mengetahui keputusan hasil dari siasatan tersebut.
- 8.7.1 Beliau juga ingin penjelasan mengenai lawatan ke luar negara yang dinyatakan di dalam Laporan Jawatankuasa Audit Dalam di dalam Buku Laporan Tahunan 2014, muka surat 44.
- 8.7.2 Seterusnya beliau memohon penjelasan mengenai kedudukan penubuhan dan perkembangan Jawatankuasa Khas bagi tujuan membantu Lembaga memulihkan syarikat-syarikat subsidiari seperti dinyatakan di dalam Buku Laporan Tahunan 2014, muka surat 26, perenggan 7.3.8, minit MAPT KSB ke-30.

- 8.8 **Bendahari KSB** menjelaskan bahawa penubuhan Jawatankuasa Siasatan adalah bertujuan untuk meneliti ke atas semua tuduhan yang dibuat oleh salah seorang perwakilan ke atas anggota Lembaga dan KSB. Tuduhan-tuduhan tersebut juga telah diadukan kepada SKM dan pihak SKM sedang menjalankan siasatan dengan memanggil dan menyoal kesemua Anggota Lembaga samada masih berkhidmat atau telah bersara.
- 8.8.1 Beliau juga memaklumkan bahawa satu lawatan ke Melbourne, Australia telah diadakan pada bulan April 2015 yang bertujuan untuk mengenal pasti potensi perniagaan pengimportan lembu hidup untuk diniagakan dalam pasaran Malaysia.
- 8.8.2 Seterusnya beliau menjelaskan perbincangan mengenai subsidiari-subsidiari yang berkerugian dan tidak aktif sering diadakan di dalam mesyuarat Lembaga, Jawatankuasa Eksekutif dan Jawatankuasa Kewangan. Sehingga kini belum ada mana-mana syarikat subsidiari yang ditutup memandangkan kedudukan aset-aset dan liabiliti yang masih belum selesai dan kes-kes litigasi yang masih dalam peringkat perbicaraan. Beliau seterusnya berpendapat ada juga subsidiari yang masih boleh dipulih dan diaktifkan semula.
- 8.9 **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Dr. Haji Arriffin bin Mansor** mencadangkan Agenda 8 diluluskan dan **Perwakilan Terengganu, Haji Ismail bin Muda** menyokong serta dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

AGENDA 9 : MEMILIH EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA MENURUT UNDANG-UNDANG KECIL 38 (1)

- 9.1 **Pengerusi Mesyuarat** mengumumkan nama empat (4) orang Anggota Lembaga berikut menurut uuk 38(1) yang akan mengosongkan jawatan dan layak untuk dipilih semula :
- i) Hajah Zainab binti Haji Abu
 - ii) Haji Md Akib bin Hashim
 - iii) Haji Mahmood@Shamsuddin bin Haji Mohd Saleh
 - iv) Dato' Haji Azumu bin Haji Tak
- 9.2 **Pengerusi Mesyuarat** seterusnya memperkenalkan sembilan (9) calon yang akan bertanding bagi mengisi empat (4) kekosongan jawatan anggota Lembaga seperti berikut :
- i) Hajah Zainab binti Haji Abu
(Anggota Lembaga)
 - ii) Haji Md Akib bin Hashim
(Anggota Lembaga)
 - iii) Haji Mahmood @ Shamsuddin bin Haji Mohd Saleh
(Anggota Lembaga)
 - iv) Dato' Paduka Haji Hasbullah bin Abd Halim
(Perwakilan Kedah G)
 - v) Haji Abdul Latiff bin Mat Hussin
(Perwakilan Terengganu)

- vi) Haji Zainal bin Othman
(Perwakilan Kelantan A)
 - vii) Haji Mokhtar bin A. Aziz
(Perwakilan Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad)
 - viii) Haji Abu Bakkar bin Shawkat Ali
(Perwakilan Melaka)
 - ix) Haji Ismail bin Muda
(Perwakilan Terengganu)
- 9.3 **Setiausaha KSB** memaklumkan anggota Lembaga, Dato' Haji Azumu bin Haji Tak tidak menawarkan diri untuk bertanding jawatan Lembaga.
- 9.4 **Setiausaha KSB** seterusnya memaklumkan MAPT KSB kali ini perlu memilih empat (4) orang anggota Lembaga bagi mengisi kekosongan daripada sembilan (9) orang calon yang dicalonkan dan kesemua calon telah ditentukan oleh SKM serta mempunyai pencadang dan penyokong. Beliau juga memaklumkan pengundian ini akan dijalankan secara undi sulit.
- 9.5 **Pengerusi Mesyuarat** mengumumkan keputusan undian ke atas calon-calon tersebut yang mana telah dikira dan disahkan oleh wakil Juruaudit Luar, Tetuan A. Razak & Co. seperti berikut :

Nama Calon	Jumlah Undi
i) Hajah Zainab binti Haji Abu	173
ii) Haji Md Akib bin Hashim	171
iii) Haji Mahmood @ Shamsuddin bin Haji Mohd Saleh	142
iv) Haji Ismail bin Muda	80
v) Haji Zainal bin Othman	74
vi) Dato' Paduka Haji Hasbullah bin Abd Halim	66
vii) Haji Mokhtar bin A. Aziz	58
viii) Haji Abu Bakkar bin Shawkat Ali	53
ix) Haji Abdul Latiff bin Mat Hussin	52

- 9.6 Dengan keputusan tersebut, **Pengerusi Mesyuarat** mengisytiharkan keempat-empat orang perwakilan yang berjaya dipilih mengisi empat (4) kekosongan jawatan anggota Lembaga menurut UuK 38(1) seperti berikut:
- i) Hajah Zainab binti Haji Abu
 - ii) Haji Md Akib bin Hashim
 - iii) Haji Mahmood @ Shamsuddin bin Haji Mohd Saleh
 - iv) Haji Ismail bin Muda

AGENDA 10 : MEMBENTANGKAN BAYARAN ELAUN-ELAUN BERIKUT :

- I. MENGEKALKAN BAYARAN ELAUN BULANAN KEPADA PENERUSI, SETIAUSAHA, BENDAHARI KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN PENERUSI BAGI SUBSIDIARI-SUBSIDIARI YANG AKTIF;**
- II. MENGEKALKAN BAYARAN ELAUN KEHADIRAN MESYUARAT BAGI ANGGOTA LEMBAGA, JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SERTA ANGGOTA-ANGGOTA YANG DILANTIK SEBAGAI LEMBAGA PENGARAH BAGI SUBSIDIARI-SUBSIDIARI KOPERASI SHAMELIN BERHAD; DAN**
- III. MENGEKALKAN BAYARAN ELAUN KEHADIRAN MESYUARAT BAGI PENERUSI JAWATANKUASA KECIL, ANGGOTA LEMBAGA DAN PERWAKILAN YANG DILANTIK MENGANGGOTAI JAWATANKUASA KECIL-JAWATANKUASA KECIL**

10.1 **Bendahari KSB** membentangkan cadangan mengekalkan kadar elaun-elaun di atas sepertimana yang telah diluluskan di MAPT KSB Ke - 30 pada 22 Jun 2014 yang lalu.

10.2 **Perwakilan Terengganu, Haji Ismail bin Muda** mencadangkan elaun-elaun hanya dibayar kepada Lembaga Pengarah subsidiari-subsidiari yang aktif apabila menghadiri mesyuarat dan bagi subsidiari yang tidak aktif pula tidak perlu dibayar sebarang elaun.

10.3 **Perwakilan Pulau Pinang B, Haji Abd Aziz bin Mohd Salleh** mencadangkan elaun bulanan Penerusi, Setiausaha dan Bendahari dihadkan kepada satu jumlah yang ditetapkan seperti berikut:

i. Penerusi	–	RM8,000.00
ii. Setiausaha	–	RM5,000.00
iii. Bendahari	–	RM5,000.00

10.3.1 Beliau juga mencadangkan kadar bayaran elaun perjalanan dibayar secara pukal sebanyak RM1,000.00 sebulan bagi ketiga-tiga jawatan.

10.3.2 Beliau seterusnya menjelaskan elaun bulanan yang dicadangkan tersebut adalah merangkumi kesemua mesyuarat yang dihadiri termasuk mesyuarat Lembaga KSB, Jawatankuasa-jawatankuasa dan subsidiari-subsidiari serta mesyuarat-mesyuarat rasmi mewakili KSB dan subsidiari-subsidiari.

10.4 **Bendahari KSB**, menerima baik cadangan tersebut. Walau bagaimanapun beliau berpendapat elaun yang diterima ketika ini adalah bersesuaian dengan tugas-tugas dan sumbangan Lembaga. Beliau juga menyatakan akan berusaha untuk menguruskan perbelanjaan Lembaga sebaik mungkin sesuai dengan saranan para perwakilan.

10.5 **Perwakilan Pulau Pinang B, Haji Abd Aziz bin Mohd Salleh** bersetuju elaun Lembaga dikekalkan untuk tahun ini. Walau bagaimanapun beliau berharap cadangan beliau ini dapat dilaksanakan pada tahun hadapan sekiranya perbelanjaan Lembaga untuk tahun 2015 ini masih tinggi.

10.6 **Perwakilan Terengganu, Haji Ismail bin Muda** mencadangkan Agenda 10 diterima dan **Perwakilan Pulau Pinang B, Haji Abd Aziz bin Mohd Salleh** menyokong serta dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

AGENDA 11 : MELULUSKAN PELANTIKAN SUATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA TIDAK KURANG DARIPADA DUA (2) FIRMA AUDIT UNTUK DIPILIH SALAH SATU DARIPADANYA BAGI MENGAUDIT AKAUN KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA

- 11.1 **Bendahari KSB** memaklumkan SKM telah menyatakan hasrat untuk terus mengaudit akaun KSB bagi tahun kewangan 2015 dan tidak termasuk subsidiari-subsidiarinya. Dengan ini beliau mencadangkan nama SKM dimasukkan senarai teratas panel Juruaudit Luar dan menyenaraikan Tetuan A. Razak & Co, Tetuan Atarek Kamil Ibrahim & Co dan Tetuan Abd Halim KP Tan & Co bagi mengaudit subsidiari-subsidiari seperti di dalam Buku Laporan Tahunan 2014, muka surat 110.
- 11.2 **Perwakilan Pulau Pinang B, Haji Abd Aziz bin Mohd Salleh** menyatakan persetujuannya ke atas cadangan menyenaraikan nama SKM sebagai panel Juruaudit Luar.
- 11.2.1 Beliau juga inginkan penjelasan samada Tetuan A. Razak & Co telah mengaudit subsidiari-subsidiari KSB atau pun tidak, memandangkan tiada Laporan Juruaudit Luar yang dibentangkan di dalam Buku Laporan Tahunan 2014.
- 11.3 **Bendahari KSB** menjelaskan bahawa Tetuan A. Razak & Co telah mengaudit subsidiari-subsidiari KSB dan memandangkan kebanyakan subsidiari KSB tidak aktif dan berkerugian maka bagi menjimatkan perbelanjaan percetakan, Lembaga memutuskan untuk hanya melampirkan lembaran imbalan dan penyata pendapatan bagi akaun subsidiari-subsidiari tersebut di dalam Buku Laporan Tahunan 2014.
- 11.3.1 **Bendahari KSB** memaklumkan akaun beraudit subsidiari-subsidiari KSB yang lengkap ada bersama beliau sekiranya para perwakilan ingin meneliti akaun-akaun tersebut.
- 11.4 **Perwakilan Kedah G, Dato' Paduka Haji Hasbullah bin Abd Halim** mencadangkan KSB mewujudkan satu panel atau jawatankuasa syariah untuk lebih mengukuhkan dan bertambah keberkatan dalam usaha-usaha KSB untuk mencapai kejayaan.
- 11.5 **Perwakilan Pulau Pinang B, Haji Abd Aziz bin Mohd Salleh** mencadangkan menerima cadangan Bendahari KSB bagi Agenda 11 dan **Perwakilan Kedah G, Dato' Paduka Haji Hasbullah bin Abd Halim** menyokong serta dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

AGENDA 12 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN YANG DIBIYAI OLEH WANG BERLEBIHAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA

- 12.1 **Bendahari KSB** membentangkan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan KSB dan subsidiari-subsidiarinya sebanyak RM20.0 juta seperti yang dibentangkan di dalam Buku Laporan Tahunan 2014, muka surat 111.

12.2 **Bendahari KSB** memaklumkan bagi tahun 2015 pelaburan-pelaburan yang telah dan bakal diceburi adalah seperti berikut :

I. KHATAMMI DEVELOPMENT SDN BHD

- i. KSB ketika ini sedang menjalankan pembangunan memajukan 78 unit rumah teres setingkat dengan pemaju Khatammi Development Sdn Bhd di Jalan Mawar, Mukim Kapar, Klang di atas tanah rezab Melayu seluas 5.25 ekar.
- ii. KSB membeli tanah tersebut dengan harga RM2.40 juta dan perbelanjaan kos pembangunan adalah dianggarkan RM3.74 juta. Jumlah keseluruhan pembangunan ini ialah **RM6.14 juta**.
- iii. Pembangunan ini dijangka dapat dilancar dan dijual pada bulan September 2015 akan datang dan pulangan tunai dari projek ini adalah sebanyak RM4.0 juta dalam tempoh 2 tahun.

II. MASER CHEMICAL BHD

- i. KSB telah mula menceburi perniagaan industri minyak dan gas yang mana satu Memorandum Persefahaman telah ditandatangani antara Maser Chemical Sdn Bhd dan KSB bagi pembekalan “barite” ialah salah satu bahan yang digunakan dalam proses penggerudian telaga minyak kepada Halliburton Energy Services (M) Sdn Bhd dan Schlumberger (M) Sdn Bhd.
- ii. Dengan berbekalkan modal **RM2.0 juta**, KSB menjangkakan pulangan sebanyak 12% atau bersamaan RM0.24 juta setahun.

III. MASER (M) SDN BHD

- i. KSB telah juga menandatangani Perjanjian Usahasama dengan Maser (M) Sdn Bhd dalam pembekalan produk petrolium.
- ii. Dengan pelaburan sebanyak RM5.0 juta, KSB menjangkakan pelaburan sebanyak 11% setahun atau bersamaan RM0.55 juta setahun.

IV. PERNIAGAAN HAIWAN TERNAKAN

- i. KSB telah menandatangani Perjanjian Usahasama dengan Tekno Integrated Farm Sdn Bhd bagi melaksanakan projek penjualan lembu hidup yang dibeli dari Australia.
- ii. Pembelian awal adalah sebanyak 180 ekor dengan modal sebanyak **RM0.89 juta** yang akan dijual dalam tempoh satu bulan dengan jangkaan keuntungan sebanyak RM55,500.
- iii. Projek penjualan lembu ini disasarkan sempena bulan Ramadan dan Syawal pada tahun ini.

12.3 **Perwakilan Negeri Sembilan, Haji Mohd Anuar bin Haji Ujang** mencadangkan Agenda 12 diterima dan **Perwakilan Terengganu, Haji Abdul Latiff bin Mat Hussin** menyokong serta dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

AGENDA 13 : MENETAPKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA

- 13.1 **Bendahari KSB** membentangkan had maksimum keterhutangan KSB dan subsidiari-subsidiarinya sebanyak RM230.0 juta seperti dibentangkan di dalam Buku Laporan Tahunan 2014, muka surat 112.
- 13.2 **Perwakilan Terengganu, Haji Abdul Latiff bin Mat Hussin** berpendapat had maksimum keterhutangan KSB dan subsidiari-subsidiarinya dinaikkan kepada RM250.0 juta memandangkan berkemungkinan cadangan KSB untuk memohon kemudahan pinjaman daripada institusi-institusi kewangan sebanyak RM150.0 juta dikenakan cukai perkhidmatan barangan atau "GST" sebanyak RM20.0 juta.
- 13.3 **Perwakilan Perlis, Encik Anuar Zaki bin Bakar** mencadangkan menerima cadangan Bendahari KSB bagi Agenda 13 dan **Perwakilan Perak B, Haji Arshad bin Abdul Aziz** menyokong serta dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

AGENDA 14 : MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN USUL-USUL BERTULIS ATAU URUSAN LAIN YANG SATU NOTIS TIDAK KURANG DARI TUJUH (7) HARI TELAH DIKEMUKAKAN OLEH ANGGOTA TERMASUK PERKARA-PERKARA YANG MANA ANGGOTA TERKILAN DENGAN KEPUTUSAN LEMBAGA

- 14.1 **Setiausaha KSB** membentangkan keputusan Anggota Lembaga ke atas usul-usul yang diterima dari kawasan bagi tahun 2014 seperti di Kembaran 2 (warna hijau) untuk didengar, ditimbang dan diputuskan.
- 14.2 **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Dr Haji Arriffin bin Mansor** ingin mendapatkan penjelasan mengenai jumlah kehadiran anggota yang kurang memuaskan semasa Mesyuarat Agung Kawasan di Wilayah Persekutuan berbanding dengan tahun-tahun terdahulu.
 - 14.2.1 Beliau juga inginkan penjelasan mengenai pemberian peruntukan perbelanjaan kepada setiap kawasan seperti dinyatakan di dalam Buku Laporan Tahunan 2014, muka surat 26, perenggan 7.3.6, minit MAPT KSB ke-30.
- 14.3 **Setiausaha KSB** menjelaskan bahawa KSB menerima ribuan surat-surat kepada anggota yang dikembalikan oleh Pos Malaysia Berhad atas alasan alamat tidak lengkap. Lembaga bercadang untuk menyerahkan surat-surat tersebut kepada Pengerusi setiap kawasan dan menyerahkan tugas menjejaki anggota-anggota yang tidak dapat dikesan kepada AJK Kawasan untuk dilaksanakan. Beliau memaklumkan bayaran sebanyak RM10.00 bagi setiap anggota yang berjaya dikesan akan diberi kepada AJK Kawasan.
 - 14.3.1 **Setiausaha KSB** menjelaskan pemberian peruntukan perbelanjaan kepada setiap kawasan ini adalah berasaskan jumlah kedudukan anggota Jawatankuasa Kawasan dengan kadar bayaran elaun kehadiran RM200.00 seorang dan perbelanjaan secara purata bagi urusan persiapan mesyuarat sebanyak RM200.00 setiap kawasan.

14.3.2 Selanjutnya beliau menerangkan penyediaan peruntukan ini dilaksanakan hanya pada tahun di mana Mesyuarat Agung Kawasan tidak diadakan.

14.4 **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Dr Haji Arriffin bin Mansor** mencadangkan Agenda 14 diterima dan **Perwakilan Pulau Pinang A, Haji Abdullah bin Mohd Sultan** menyokong serta dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

AGENDA 15 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA CADANGAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI SHAMELIN BERHAD, JIKA ADA

15.1 **Setiausaha KSB** memaklumkan bahawa tiada apa-apa cadangan diterima bagi pindaan UuK KSB.

AGENDA 16 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA LAPORAN YANG HENDAK DIKEMUKAKAN MENURUT KEHENDAK AKTA DAN PERATURAN, JIKA ADA

16.1 **Setiausaha KSB** memaklumkan tiada apa-apa laporan yang hendak dikemukakan menurut Akta dan Peraturan.

AGENDA 17 : UCAPAN PENANGGUHAN Pengerusi KOPERASI SHAMELIN BERHAD

17.1 **Pengerusi KSB, Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan** mengucapkan syabas dan tahniah kepada Anggota Lembaga yang baru dipilih di MAPT KSB Ke-31 ini. Beliau seterusnya mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Mesyuarat yang telah menjalankan tugasnya dengan baik.

17.2 Beliau juga mengucapkan terima kasih di atas kehadiran yang pertama kali bagi perwakilan dari kawasan Kedah G, Kedah H dan Sarawak serta semua perwakilan yang telah memberi pandangan-pandangan bernas serta berbincang dengan semangat kekeluargaan demi kebaikan bersama, selaras dengan konsep penyatuan ummah. Beliau seterusnya berjanji Lembaga akan meneliti semua pandangan yang diberikan oleh para perwakilan.

17.3 Beliau berharap para perwakilan yang hadir dapat terus memberi sokongan bagi menggerak dan menjayakan KSB dengan lebih cemerlang pada masa-masa hadapan.

AGENDA 18 MESYUARAT DITANGGUHKAN

18.1 **Pengerusi Mesyuarat** mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi KSB atas ucapan penangguhan tersebut. Beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para perwakilan yang telah bermesyuarat dengan penuh disiplin dan beliau juga memohon maaf jika terdapat kesilapan semasa mempengerusikan MAPT KSB Ke-31 ini.

18.2 **Pengerusi Mesyuarat** menangguhkan MAPT KSB Ke-31 pada jam 12.15 tengahari dengan selawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.



Ditentukan oleh Jawatankuasa Menentukan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi Shamelin Berhad ke-31 yang diadakan pada hari Isnin, 29 Jun 2015 di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Tingkat 2, Hotel De Palma, Jalan Selaman 1/2, Palm Square, Ampang Point, 68100 Kuala Lumpur jam 4.30 petang

BAHAWA KAMI, yang dipilih semasa Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad ke-31, telah

- i. meneliti, menyemak dan membuat pindaan-pindaan sewajarnya pada draf minit serta
- ii. memperakukan pengesahan minit berkenaan.

NAMA	JAWATAN	TANDATANGAN
1. YBhg. Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan	Pengerusi Anggota Lembaga	
2. YBhg. Datuk Haji Abu bin Pit	Bendahari Anggota Lembaga	
3. YBhg. Dato' Haji Hashim bin Ahmad	Anggota Lembaga	
4. YBhg. Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim	Anggota Lembaga	
5. YBhg. Tuan Haji Abdul Aziz bin Mohd Salleh	Perwakilan P. Pinang B	
6. YBhg. Encik Kasim bin Darus	Perwakilan Selangor B	
7. YBhg. Encik Abu Bakar bin Basuni	Perwakilan W. Persekutuan	
8. YBhg. Encik Hashim bin Omar	Perwakilan Kedah B	
9. YBhg. Encik Yazid bin Ismail	Perwakilan Perak B	
10. YBhg. Tuan Haji Shalihuddin bin Abas	Perwakilan Johor A	
Turut Hadir :		
1. YBhg. Tuan Haji Kamarudin bin Md Noor	Setiasaha/ Anggota Lembaga	
2. YBhg. Puan Hajah Norhaniza binti Abd Rani	Ketua Pegawai Eksekutif	

38-B-4 Bangunan SHAMELIN, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur

Tel : 03 - 9265 2155 Faks : 03 - 9265 5606

E-mel: info@shamelin.com Laman Web: www.shamelin.com facebook.com/koperasishamelinberhad

ANGGOTA LEMBAGA



Dari kanan :

Dato' Haji Hashim bin Ahmad, Haji Md Akib bin Hashim, Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim, Tan Sri Haji Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman, Prof. Madya Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan, Datuk Haji Abu bin Pit (Bendahari), Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan (Pengerusi), Haji Kamarudin bin Md Noor (Setiausaha), Haji Tuan Hamat @ Tuan Mat bin Haji Tuan Sulong, Haji Ismail bin Muda, Hajah Zainab binti Haji Abu, Puan Jariah binti Hashim dan Hajah Norhaniza binti Abd Rani (Ketua Pegawai Eksekutif)

Bil	NAMA	2014/2015				2015/2016					
		22/01/2015	15/03/2015	13/05/2015	04/06/2015	14/06/2015	29/06/2015	27/08/2015	22/10/2015	14/11/2015	
1	Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan *	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✗	✓	✓	8/9
2	Haji Kamarudin bin Md. Noor **	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	9/9
3	Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✗	✓	✓	8/9
4	Tan Sri Haji Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman	✗	✓	✓	✓	✓	✓	✗	✗	✓	6/9
5	Dato' Haji Johar bin Haji Rusi	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	MD	8/8
6	Datuk Haji Abu bin Pit ***	✓	✓	✓	✗	✓	✓	✓	✓	✓	8/9
7	Hajah Zainab binti Haji Abu	✓	✓	✗	✓	✓	✓	✓	✓	✓	8/9
8	Haji Md. Akib bin Hashim	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	9/9
9	Dato' Haji Azumu bin Haji Tak	✓	✗	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	3/4
10	Haji Shamsuddin bin Haji Mohd Saleh	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	9/9
11	Prof. Madya Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan	✓	✗	✗	✓	✓	✓	✗	✓	✗	5/9
12	Dato' Haji Hashim bin Ahmad	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	9/9
13	Haji Ismail bin Muda	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	5/5

✓	Hadir
✗	Tidak Hadir dengan maaf
	Tidak Terlibat
MD	Meninggal Dunia

*	Dipilih menjadi Pengerusi pada 14/06/2015
**	Dipilih menjadi Setiausaha pada 14/06/2015
***	Dipilih menjadi Bendahari pada 14/06/2015

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA

JAWATANKUASA EKSEKUTIF

Memantau perjalanan Koperasi Shamelin Berhad ("KSB") dan subsidiari serta meninjau peluang-peluang pelaburan dan perniagaan demi kemajuan KSB dan subsidiari

NAMA	2014/2015			
	21/01/2015	13/02/2015	29/04/2015	
Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan	✓	✓	✓	3/3
Haji Kamarudin bin Md Noor	✓	✓	✓	3/3
Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim	✓	✓	✓	3/3
Datuk Haji Abu bin Pit	✓	✓	✓	3/3
Tan Sri Haji Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman	✓	✗	✓	2/3

JAWATANKUASA PENTADBIRAN

Memantau keperluan dan kebijakan kakitangan demi mencapai kejayaan KSB dan subsidiari

NAMA	2014/2015	2015/2016		
	8/04/2015	11/08/2015	21/10/2015	
Haji Kamarudin bin Md Noor	✓	✓	✓	3/3
Hajah Zainab binti Haji Abu	✓	✓	✓	3/3
Haji Shamsuddin bin Haji Mohd Saleh *	✓			1/1
Haji Mukhtar bin Mahmud *	✓			1/1
Dato' Haji Johar bin Haji Rusi **		✓	✓	2/2

JAWATANKUASA KEWANGAN

Memantau kedudukan kewangan KSB dan subsidiari-subsidiari bagi memastikan berada di landasan yang baik

NAMA	2014/2015			2015/2016	
	15/01/2015	8/04/2015	4/06/2015	12/08/2015	
Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim *	✓	✓	✓		3/3
Dato' Haji Azumu bin Haji Tak *	✓	✗	✓		2/3
Dato' Haji Johar bin Haji Rusi *	✓	✓	✓		3/3
Datuk Haji Abu bin Pit	✓	✓	✗	✓	3/4
Datuk Haji Mohamed bin Darus *	✗	✓	✗		1/3
Haji Md Akib bin Hashim **				✓	1/1
Haji Ismail bin Muda**				✓	1/1

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

Menilai dan memantau setiap cadangan perniagaan baru yang dicadangkan bagi memastikan keberkesanan untuk dijayakan bagi mengelak penangguhan kerugian

NAMA	2014/2015		2015/2016		
	13/02/2015	29/04/2015	10/08/2015	19/11/2015	
Datuk Haji Abu bin Pit *	✓	✓			2/2
Haji Md Akib bin Hashim	✓	✓	✓	✓	4/4
Haji Shamsuddin bin Haji Mohd Saleh *	✓	✓			2/2
Haji Mohd Munir @ Mohd Mozin bin Shuib *	✓	✓			2/2
Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim **			✓	✓	2/2
Tan Sri Haji Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman **			✗	✓	1/2

JAWATANKUASA HARTANAH

Memantau dan menilai daya maju setiap projek hartanah dan berusaha mengadakan bank tanah untuk kesinambungan projek KSB

NAMA	2014/2015		2015/2016		
	4/02/2015	11/05/2015	10/08/2015	15/12/2015	
Datuk Haji Abu bin Pit *	✓	✓			2/2
Dato' Haji Azumu bin Haji Tak *	✗	✗			-/2
Prof. Madya Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan *	✓	✗			1/2
Haji Abdul Latiff bin Mat Hussin *	✓	✓			2/2
Haji Ismail bin Muda **			✓	✓	2/2
Tan Sri Haji Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman **			✓	✓	2/2
Dato' Haji Hashim bin Ahmad **			✓	✓	2/2

JAWATANKUASA AR-RAHNU

Menilai dan memantau perkembangan dan kelancaran operasi Ar-Rahnu

NAMA	2014/2015		2015/2016		
	16/02/2015	4/06/2015	10/08/2015	10/12/2015	
Dato' Haji Johar bin Haji Rusi *	✓	✓			2/2
Hajah Zainab binti Haji Abu	✓	✓	✗	✓	3/4
Dato' Haji Hashim bin Ahmad	✓	✓	✓	✓	4/4
Datuk Haji Idris bin Muhamood *	✗	✗			-/2
Haji Yahaya bin Jaafar *	✓	✓			2/2
Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim **			✓	✓	2/2

JAWATANKUASA KEANGGOTAAN

Mengemaskini kedudukan anggota serta memantau keperluan kebajikan anggota

NAMA	2015/2016	
	11/08/2015	
Haji Md Akib bin Hashim	✓	1/1
Haji Shamsuddin bin Haji Mohd Saleh	✓	1/1
Prof. Madya Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan	✗	-/1

JAWATANKUASA SIASATAN

Meneliti dan menyiasat aduan untuk diputuskan tindakan.

NAMA	2014/2015	2015/2016	
	25/03/2015	9/09/2015	
Dato Haji Azumu bin Haji Tak *	✗		-/1
Dato Haji Abu bin Pit *	✓		1/1
Prof. Madya Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan *	✗		-/1
Dato' Haji Hashim bin Ahmad	✓	✓	2/2
Dato' Haji Johar bin Haji Rusi		✓	1/1
Haji Shamsuddin bin Haji Mohd Saleh		✓	1/1

JAWATANKUASA PENCALONAN

Menilai dan meneliti kelayakan calon-calon anggota Lembaga dalam proses pelantikan atau pelantikan semula anggota Lembaga Koperasi untuk ditentukan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebagaimana diperuntukkan di bawah subseksyen 43 (2) Akta Koperasi 1993

NAMA	2014/2015	
	8/04/2015	
Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim	✓	1/1
Prof. Madya Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan	✓	1/1
Dato' Haji Johar bin Haji Rusi	✓	1/1
Haji Kamarudin bin Md Noor	✓	1/1

✓
✗

Hadir

Tidak Hadir dengan maaf

*

Tidak Terlibat

Tidak dilantik semula bagi sesi 2015/2016

**

Dilantik bagi sesi 2015/2016

PELABURAN

KOPERASI SHAMELIN BERHAD

TARIKH PELABURAN	PELABURAN	PELABURAN ASAL (RM)	NILAI PELABURAN PADA 31/12/2015 (RM)	KEUNTUNGAN/DIVIDEN TERKUMPUL SEHINGGA 31/12/2015 (RM)
Subsidiari				
31/12/1982	KSB Hartanah Sdn Bhd	20,002	20,002	-
31/12/1996	Shamelin Bina Sdn Bhd	1,000,000	1	-
12/01/2011	Gemar Kurnia Sdn Bhd	2	1	-
	Jumlah	1,020,004	20,004	-
Syer				
31/03/1984	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	1,000	14,226	262,037
07/05/2003	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	95,000	95,000	
25/05/2012	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	100,000	100,000	
17/07/2012	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	100,000	100,000	
16/02/2012	Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA Berhad ("KOPSYA")	10,000	10,250	250
03/08/2012	Koperasi Bank Persatuan Malaysia Berhad	20,000	22,412	4,012
	Jumlah	326,000	341,858	266,299
Lain-lain				
27/07/1994	FAMA Consortium (M) Sdn Bhd (AP Kobis)	15,000	30,000	478,636
	Jumlah	15,000	30,000	478,636
	JUMLAH KESELURUHAN	1,361,004	391,892	744,935

HARTANAH

KOPERASI SHAMELIN BERHAD

LOKASI	ANGGARAN NILAI SEMASA (RM)	STATUS/CADANGAN
1. Tanah kosong di Pekan Yan, Kedah	36,000	Tanah kosong untuk dimajukan
2. Tapak perdagangan seluas 3.02 ekar Lot 11749 dan 11750 di Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur	19,800,000	Pembinaan 'Shamelin Star' dengan 630 unit Servis Apartment 35 tingkat, 31 unit kedai, 1 tingkat bawah tanah tempat letak kereta, 6 tingkat podium tempat letak kereta dan 1 tingkat ruang kemudahan. Pembangunan usahasama dengan Landmark Zone (M) Sdn Bhd. Keuntungan bakal diterima ialah RM 77 juta.
3. Tapak perdagangan seluas 1.13 ekar Lot 11806 dan 54700 di Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur	7,300,000	Cadangan pembinaan 318 unit Servis Apartment 28 tingkat, 8 unit kedai 2 tingkat, 6 tingkat podium tempat letak kereta dan 1 tingkat ruang kemudahan. Pembangunan usahasama dengan HKS Development Sdn Bhd. Keuntungan bakal diterima ialah RM 28.9 juta.
4. Dataran Shamelin - 68, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur * Unit 3, 4 dan 5 * Unit 7, 8 dan 9 * Tempat letak kereta	9,934,400 9,486,400 1,710,000 21,130,800	Kompleks kedai/ pejabat mengandungi 10 unit bangunan kedai/ pejabat 4 - 6 tingkat
5. Bangunan Ibu Pejabat Shamelin - 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur	14,782,400	Diguna sebagai ibu pejabat Kumpulan SHAMELIN
6. Tanah kosong Lot 2704 Sek. 43, Mukim Bandar Kulim, Kedah	2,103,806	Tanah kosong untuk dimajukan
JUMLAH	65,153,006	

LITIGASI

KOPERASI SHAMELIN BERHAD

	JUMLAH KES	Jumlah Tuntutan (RM)
1. Peringkat Perbicaraan i) Enam (6) orang pelabur berkaitan VC Gold ii) Syed Abd Rahman bin Syed Mohd	1 1	2,065,587.96 289,228.80
JUMLAH		

ANGGOTA

KEDUDUKAN ANGGOTA

(Berakhir 31 Disember 2015)

1. Carta kedudukan anggota dan jumlah syer (termasuk syer bonus) mengikut pecahan kawasan

BIL	NEGERI/KAWASAN/KATEGORI	JUMLAH ANGGOTA	JUMLAH SYER (RM)
1	Perlis	443	446,232.98
2	Kedah A	763	817,795.52
3	Kedah B	563	620,480.63
4	Kedah C	300	298,224.22
5	Kedah D	769	895,290.17
6	Kedah E	665	686,220.09
7	Kedah F	304	252,455.79
8	Kedah G	487	887,623.77
9	Kedah H	454	552,463.52
10	Kelantan A	672	966,187.04
11	Kelantan B	254	273,799.30
12	Kelantan C	340	347,502.83
13	Terengganu	399	449,617.29
14	Pulau Pinang A	389	687,150.27
15	Pulau Pinang B	543	763,271.84
16	Perak A	800	681,935.66
17	Perak B	539	564,206.68
18	Pahang A	246	328,571.90
19	Pahang B	416	597,540.86
20	Selangor A	271	388,757.85
21	Selangor B	931	2,299,522.27
22	Wilayah Persekutuan	736	2,305,762.77
23	Negeri Sembilan	521	1,359,137.37
24	Melaka	576	456,860.55
25	Johor A	339	262,062.36
26	Johor B	338	759,904.96
27	Sabah	6,262	1,020,541.67
28	Sarawak	348	63,574.44
29	Koperasi Anggota	25	785,240.98
30	Kategori Anggota Tidak Dapat Dikesan	2,104	2,743,006.42
	JUMLAH	21,797	25,560,942.00

2. Pecahan pegangan syer anggota

JUMLAH PEGANGAN SYER (RM)	DAPAT DIKESAN (DK)		TIDAK DAPAT DIKESAN (TDK)		JUMLAH KESELURUHAN	
	JUMLAH ANGGOTA	JUMLAH SYER (RM)	JUMLAH ANGGOTA	JUMLAH SYER (RM)	JUMLAH ANGGOTA (DK + TDK)	JUMLAH SYER (RM)
100.00 > 199.99	9,641	1,498,528.22	-	-	9,641	1,498,528.22
200.00 > 499.99	2,185	851,187.66	299	122,391.95	2,484	973,579.61
500.00 > 999.99	2,884	2,146,130.93	702	501,921.44	3,586	2,648,052.37
1,000.00 > 2,999.99	4,209	6,441,361.31	1,011	1,485,521.91	5,220	7,926,847.68
3,000.00 > 4,999.99	364	1,523,630.99	59	242,277.08	423	1,765,908.07
5,000.00 > 9,999.99	214	1,542,822.30	23	177,836.75	237	1,720,659.05
10,000.00 > 49,999.99	158	2,968,723.10	10	213,057.29	168	3,181,780.39
50,000.00 dan ke atas	38	3,845,551.07	-	-	38	3,845,551.07
JUMLAH	19,693	20,817,935.58	2,104	2,743,006.42	21,797	23,560,942.00

TABUNG PENDIDIKAN

Jadual butiran pemberian manfaat Tabung Pendidikan Koperasi Shamelin Berhad bagi tempoh 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2015

BIL	KAWASAN	HADIAH CEMERLANG AKADEMIK			SUMBANGAN INSENTIF PELAJARAN			JUMLAH KESELURUHAN		
		PERMOHONAN		MANFAAT HADIAH YANG DIKELUARKAN (RM)	PERMOHONAN		MANFAAT SUMBANGAN YANG DIKELUARKAN (RM)	PERMOHONAN		MANFAAT HADIAH & SUMBANGAN (RM)
		TERIMA	LAYAK		TERIMA	LAYAK		TERIMA	LAYAK	
1	Perlis	-	-	-	1	-	-	1	-	-
2	Kedah A	6	3	700.00	4	4	1,800.00	10	7	2,500.00
3	Kedah B	2	1	300.00	3	2	1,000.00	5	3	1,300.00
4	Kedah C	2	2	300.00	2	2	800.00	4	4	1,100.00
5	Kedah D	2	1	100.00	7	7	3,500.00	9	8	3,600.00
6	Kedah E	2	2	600.00	6	5	2,300.00	8	7	2,900.00
7	Kedah F	3	2	600.00	5	3	1,300.00	8	5	1,900.00
8	Kedah G	1	-	-	5	4	1,600.00	6	4	1,600.00
9	Kedah H	1	1	300.00	4	3	1,500.00	5	4	1,800.00
10	Kelantan A	7	4	800.00	8	7	2,900.00	15	11	3,700.00
11	Kelantan B	7	5	1,100.00	11	11	4,700.00	18	16	5,800.00
12	Kelantan C	6	5	1,100.00	8	8	4,000.00	14	13	5,100.00
13	Terengganu	1	1	300.00	4	3	1,500.00	5	4	1,800.00
14	P. Pinang A	4	-	-	3	3	1,300.00	7	3	1,300.00
15	P. Pinang B	-	-	-	4	3	1,500.00	4	3	1,500.00
16	Perak A	8	5	1,000.00	8	8	3,200.00	16	13	4,200.00
17	Perak B	3	1	200.00	7	4	1,600.00	10	5	1,800.00
18	Pahang A	2	2	600.00	4	4	1,800.00	6	6	2,400.00
19	Pahang B	1	1	200.00	7	5	2,300.00	8	6	2,500.00
20	Selangor A	-	-	-	2	2	1,000.00	2	2	1,000.00
21	Selangor B	9	7	1,200.00	5	3	1,500.00	14	10	2,700.00
22	W.Persekutuan	6	6	1,100.00	6	5	2,300.00	12	11	3,400.00
23	N. Sembilan	1	1	200.00	4	4	1,800.00	5	5	2,000.00
24	Melaka	2	2	500.00	3	2	800.00	5	4	1,300.00
25	Johor A	-	-	-	-	-	-	-	-	-
26	Johor B	1	-	-	-	-	-	1	-	-
27	Sabah	-	-	-	-	-	-	-	-	-
28	Sarawak	-	-	-	-	-	-	-	-	-
	Anugerah Pelajar Terbaik 2015	-	-	2,800.00	-	-	-	-	-	2,800.00
	JUMLAH	77	52	14,000.00	121	102	46,000.00	198	154	60,000.00

Maklumat manfaat Tabung Pendidikan Koperasi Shamelin Berhad

KATEGORI HADIAH CEMERLANG AKADEMIK		KATEGORI SUMBANGAN INSENTIF PELAJARAN	
1. Peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3 ('PT3')	RM100.00	1. Diploma	RM300.00
2. Sijil Pelajaran Malaysia ('SPM')	RM200.00	2. Ijazah Sarjana Muda	RM500.00
3. Sijil Menengah Agama ('SMA')	RM200.00	3. Sarjana	RM500.00
4. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia ('STPM')	RM300.00	4. Doktor Falsafah	RM500.00
5. Sijil Tinggi Agama Malaysia ('STAM')	RM300.00		
6. Matrikulasi/Program Asasi	RM300.00		

TABUNG KEBAJIKAN

Jadual butiran pemberian manfaat Tabung Kebajikan Koperasi Shamelin Berhad bagi tempoh 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2015

BIL	KAWASAN	KETERANGAN MENGIKUT PECAHAN KATEGORI TABUNG KEBAJIKAN					
		PERMOHONAN YANG LAYAK	BENCANA ALAM (RM)	PERMOHONAN YANG LAYAK	PENYAKIT KRONIK (RM)	PERMOHONAN YANG LAYAK	SUMBANGAN AMAL JARIAH (RM)
1	Perlis	-	-	-	-	-	-
2	Kedah A	-	-	-	-	-	-
3	Kedah B	-	-	-	-	-	-
4	Kedah C	-	-	-	-	-	-
5	Kedah D	-	-	-	-	-	-
6	Kedah E	-	-	-	-	-	-
7	Kedah F	-	-	-	-	-	-
8	Kedah G	-	-	-	-	-	-
9	Kedah H	-	-	-	-	-	-
10	Kelantan A	5	2,500.00	-	-	-	-
11	Kelantan B	1	500.00	-	-	-	-
12	Kelantan C	6	3,000.00	-	-	-	-
13	Terengganu	-	-	-	-	-	-
14	Pulau Pinang A	-	-	-	-	-	-
15	Pulau Pinang B	-	-	-	-	-	-
16	Perak A	-	-	-	-	-	-
17	Perak B	-	-	-	-	-	-
18	Pahang A	-	-	-	-	-	-
19	Pahang B	-	-	-	-	-	-
20	Selangor A	-	-	-	-	-	-
21	Selangor B	-	-	-	-	-	-
22	Wilayah Persekutuan	1	500.00	-	-	-	-
23	Negeri Sembilan	-	-	-	-	-	-
24	Melaka	-	-	-	-	-	-
25	Johor A	-	-	-	-	-	-
26	Johor B	-	-	-	-	-	-
27	Sabah	-	-	-	-	-	-
28	Sarawak	-	-	-	-	-	-
29	Badan Pertubuhan	-	-	-	-	-	-
JUMLAH		13	6,500.00	-	-	-	-

Maklumat manfaat Tabung Kebajikan Koperasi Shamelin Berhad

KATEGORI PEMBERIAN		JUMLAH SUMBANGAN
1.	Bencana Alam	
	i) Banjir	RM500.00
	ii) Gempa bumi	RM500.00
	iii) Kebakaran/Ribut	RM500.00
2.	Penyakit Kronik	RM300.00
3.	Sumbangan Amal Jariah	RM200.00

SKIM KHAIRAT KEMATIAN

Jadual butiran pembayaran Skim Khairat Kematian Koperasi Shamelin Berhad bagi tempoh 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2015

BIL	KAWASAN	JUMLAH TUNTUTAN (ANGGOTA)		JUMLAH TUNTUTAN (TANGGUNGAN)	
		JUMLAH LAYAK MENERIMA MANFAAT	MANFAAT YANG DIBAYAR (RM)	JUMLAH LAYAK MENERIMA MANFAAT	MANFAAT YANG DIBAYAR (RM)
1	Perlis	5	10,000.00	1	500.00
2	Kedah A	23	45,500.00	1	500.00
3	Kedah B	14	28,000.00	3	1,500.00
4	Kedah C	8	15,500.00	1	500.00
5	Kedah D	17	34,000.00	2	1,000.00
6	Kedah E	5	10,000.00	-	-
7	Kedah F	4	8,000.00	-	-
8	Kedah G	7	13,500.00	-	-
9	Kedah H	9	18,000.00	-	-
10	Kelantan A	8	16,000.00	-	-
11	Kelantan B	2	4,000.00	-	-
12	Kelantan C	6	12,000.00	1	500.00
13	Terengganu	1	2,000.00	-	-
14	Pulau Pinang A	5	9,500.00	-	-
15	Pulau Pinang B	11	21,500.00	1	500.00
16	Perak A	2	4,000.00	1	500.00
17	Perak B	4	7,500.00	1	500.00
18	Pahang A	3	6,000.00	1	500.00
19	Pahang B	7	13,000.00	1	500.00
20	Selangor A	3	6,000.00	2	1,000.00
21	Selangor B	13	24,500.00	1	500.00
22	W. Persekutuan	3	6,000.00	3	1,500.00
23	N.Sembilan	12	24,000.00	1	500.00
24	Melaka	2	4,000.00	-	-
25	Johor A	3	5,500.00	-	-
26	Johor B	5	10,000.00	-	-
27	Sabah	6	9,000.00	-	-
28	Sarawak	1	1,500.00	-	-
	JUMLAH	189	368,500.00	21	10,500.00


Makluman manfaat khairat di bawah Skim Khairat Kematian Koperasi Shamelin Berhad

MENGIKUT JUMLAH PEGANGAN SYER	JUMLAH SUMBANGAN SETAHUN (RM)	BAYARAN MANFAAT KEMATIAN TANGGUNGAN (RM)	BAYARAN MANFAAT KEMATIAN ANGGOTA (RM)
Kategori 1: Anggota syer kurang dari RM200.00	10.00	-	1,500.00
Kategori 2: Anggota syer RM200.00 dan ke atas	20.00	500.00	2,000.00


KURSUS DAN SEMINAR

NAMA	KURSUS / SEMINAR	ANJURAN
LEMBAGA		
Haji Kamarudin bin Md Noor	Pemeraksanaan Perniagaan Koperasi	ANGKASA
Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim	Pemeraksanaan Perniagaan Koperasi	ANGKASA
PERWAKILAN		
Datin Hajah Che Zaharah binti Said	Konvensyen Koperasi Kredit 2015	ANGKASA
Kasim bin Darus	Bengkel Pengenalan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif	Maktab Koperasi Malaysia
Norijah binti Wan	- Kursus Sijil Profesional Setiausaha Koperasi - Tatacara Pengauditan dan Perakaunan Koperasi - Bengkel Penulisan Laporan Eksekutif - Pengurusan Strategik - Persediaan Persijilan: Halal, Mesti, GMP, HACCP & - Pengiktirafan Bess - Bengkel Pengenalan Kumpulan Inovatif dan Kreatif - Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi - Pengurusan Kewangan Koperasi	Maktab Koperasi Malaysia
Marine binti Salehat	- Pengurusan Strategik - Bengkel Pengenalan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif - Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi - Pengurusan Kewangan Koperasi	Maktab Koperasi Malaysia
KAKITANGAN		
Norhaniza binti Abd Rani	Perniagaan Perkhidmatan Wang - Inovasi Perniagaan Koperasi	Maktab Koperasi Malaysia
Saharom bin Mohd Adas	- Pemantapan Hartanah Kebangsaan 2015 - Sesi Penerangan Penubuhan Konsortium Hartanah Negara Berhad - Lawatan Penilaian Cadangan Pembangunan Perumahan Untuk Anggota- Anggota Koperasi	ANGKASA Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Fatimah binti A. Samad	- Perniagaan Ar- Rahn dan Potensi Sukuk 2015 - Perkhidmatan Kredit & Perbankan/ Sektor Kewangan Angkasa - Perisian Perakaunan Patuh GST - I- PROC System Training Details	ANGKASA Maktab Koperasi Malaysia RHB Bank Berhad
Fakhruddin Afiq bin Mohd Shah	- Konvensyen Koperasi Kredit 2015 - Tadbir Urus Koperasi	ANGKASA Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Rohana binti Hassan	Perniagaan Perkhidmatan Wang - Inovasi Perniagaan Koperasi	Maktab Koperasi Malaysia
Hazura binti Ahmad Bustaman	- Perniagaan Ar- Rahn dan Potensi Sukuk 2015 - Perkhidmatan Kredit & Perbankan/ Sektor Kewangan Angkasa	ANGKASA
Radhiah Mardiah binti Abdullah @ Baharum	Perisian Perakaunan Patuh GST	Maktab Koperasi Malaysia
Ummi Alya binti Abdul Hakim	I- PROC System Training Details	RHB Bank Berhad
Semua kakitangan	Kursus Motivasi	Koperasi Shamelin Berhad

CARTA ORGANISASI



KSB SELENGGARA SDN BHD



JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN



Berdiri dari kanan :

Dato' Haji Mohamed bin Darus, Haji Ahmad Monir bin Baharin dan Haji Ramlan bin Tarmom

Duduk dari kanan :

Adnan bin Salleh (Setiausaha) dan Haji Mohd Noor bin Bedah (Pengerusi)

Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dalaman Bagi Tahun 2015

Bil	Nama	15/01/2015	11/02/2015	18/03/2015	22/04/2015	12/05/2015	27/05/2015	27/08/2015	20/10/2015	18/11/2015	
1	Haji Hafiz bin Muhamad Hanan	✓	✓	✓	✓	✓	✓				6/6
2	Haji Mohd Noor bin Bedah *	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	9/9
3	Adnan bin Salleh *	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	9/9
4	Haji Abd Latip bin Haji Md Sa'aid *	✓	✓	✓	✓	✗	✓	✓	✓	✓	8/9
5	Haji Ramlan bin Tarmom *	✗	✗	✓	✓	✓	✗	✗	✓	✗	4/9
6	Dato' Haji Mohamed bin Darus **							✓	✓	✗	2/3

✓	Hadir
✗	Tidak Hadir

	Tidak Terlibat
*	Dilantik semula bagi sesi 2015/2016
**	Dilantik bagi sesi 2015/ 2016

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN 2015

JAWATANKUASA

- | | | | |
|------|------------------------------|---|--|
| i) | Haji Mohd Noor bin Bedah | - | (Pengerusi) |
| ii) | Haji Abd Latip bin Md Sa'aid | - | (Setiausaha - meninggal dunia
pada 10 Mac 2016) |
| iii) | Encik Adnan bin Salleh | - | (Setiausaha
- dilantik pada 23 Mac 2016) |
| iv) | Haji Ramlan bin Tarmom | - | (Ahli Jawatankuasa) |
| v) | Dato' Haji Mohamed bin Darus | - | (Ahli Jawatankuasa) |
| vi) | Haji Ahmad Monir bin Baharin | - | (Ahli Jawatankuasa
- dilantik pada 29 Mac 2016) |

Kami telah mengaudit Penyata Kewangan Koperasi Shamelin Berhad yang mengandungi Lembaran Imbangan berakhir 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan / Perbelanjaan serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2015.

Pada pendapat kami, Penyata Kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian yang memberikan gambaran sebenar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi Shamelin Berhad.

LAPORAN DAN KETETAPAN

Mengikut kehendak Akta Koperasi 1993, pada pendapat kami :

- Rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain telah disimpan dengan sempurna mengikut Seksyen 58 Akta Koperasi 1993.
- Penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan serta pembelian atau pelupusan aset-aset koperasi dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 adalah mengikut kehendak Akta, Peraturan-peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi.
- Kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti termasuk hutang-hutang belum jelas koperasi pada 31 Disember 2015 adalah munasabah.

PERNIAGAAN IMPORT LEMBU DARI AUSTRALIA

Pada pendapat kami, pihak Tekno Intergrated Farm Sdn Bhd sebagai rakan strategik dalam perniagaan lembu ini tidak mengurus lembu-lembu tersebut dengan baik.

Syarikat tersebut tidak melunaskan bayaran balik kepada Koperasi mengikut perjanjian.

PERNIAGAAN PENYEWAAN PERALATAN KHEMAH DAN LORI

Pada pendapat kami, pihak pengurusan di subsidiari, KSB Selenggara Sdn Bhd perlu mengambil langkah-langkah untuk mengutip balik hutang-hutang daripada penyewa yang kini tertunggak melebihi RM40,000.00.

Laporan ini disediakan untuk anggota-anggota Koperasi Shamelin Berhad. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain.

Sekian, adanya.

Kami yang benar



(HAJI MOHD NOOR BIN BEDAH)
Pengerusi



(ADNAN BIN SALLEH)
Setiausaha



(HAJI RAMLAN BIN TARMOM)
Ahli Jawatankuasa



(DATO' HAJI MOHAMED BIN DARUS)
Ahli Jawatankuasa



(HAJI AHMAD MONIR BIN BAHARIN)
Ahli Jawatankuasa

KOPERASI SHAMELIN BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA KOPERASI

Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan (Pengerusi)
Haji Kamarudin bin Md. Noor (Setiausaha)
Datuk Haji Abu bin Pit (Bendahari)
Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim
Tan Sri Haji Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman
Dato' Haji Johar bin Haji Rusi
(Meninggal Dunia pada 7 November 2015)
Hajah Zainab binti Haji Abu
Haji Md Akib bin Hashim
Haji Shamsuddin bin Haji Mohd Saleh
(Meninggal Dunia pada 18 Januari 2016)
Prof. Madya Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan
Dato' Haji Hashim bin Ahmad
Haji Ismail bin Muda
Jariah binti Hashim
(Dilantik pada 27 Januari 2016)
Haji Tuan Hamat @ Tuan Mat bin Haji Tuan Sulong
(Dilantik pada 27 Januari 2016)

ALAMAT BERDAFTAR

38-6-4, Bangunan SHAMELIN
Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa
56100 Kuala Lumpur

JURUAUDIT

Bahagian Audit Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

BANK

RHB Islamic Bank Berhad
Public Islamic Bank Berhad
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
CIMB Islamic Bank Berhad
Al Rajhi Bank Berhad

LAPORAN JURUAUDIT KE ATAS PENYATA KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

Kepada:
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Anggota-anggota **Koperasi Shamelin Berhad**

Tuan,

Laporan atas Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Koperasi Shamelin Berhad ("Koperasi") dan penyata kewangan disatukan Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiarinya ("Kumpulan") yang mengandungi Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2015, Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan lain-lain nota keterangan seperti yang dibentangkan bersama.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi ke atas Penyata Kewangan

Anggota Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama mengikut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Koperasi 1993. Tanggungjawab ini termasuk merangka, melaksanakan dan mengekalkan kawalan dalaman yang relevan dengan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang material sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, pemilihan dan penggunaan dasar-dasar perakaunan yang bersesuaian dan membuat anggaran-anggaran perakaunan yang munasabah mengikut keadaan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan ini berdasarkan kepada pengauditan yang dijalankan. Kami melaksanakan pengauditan menurut piawaian-piawaian audit yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut menghendaki kami mematuhi etika dan merancang serta menjalankan kerja-kerja audit untuk memperoleh keyakinan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata yang material.

Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk memberikan pandangan yang bebas, berdasarkan audit yang dijalankan ke atas penyata kewangan. Kami melaksanakan pengauditan kami menurut Piawaian-Piawaian Audit berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian itu memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk memperolehi keyakinan yang munasabah sama ada penyata-penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata yang penting.

Sesuai pengauditan meliputi pemeriksaan, secara ujian, bukti yang menyokong jumlah dan pernyataan di dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dikenalpasti adalah bergantung kepada penilaian kami termasuk penilaian ke atas risiko salahnyata penyata kewangan yang ketara sama ada kesan daripada penipuan atau kesilapan. Ketika penyediaan penilaian risiko, kami memberi pertimbangan ke atas kawalan dalaman yang bersesuaian untuk penyediaan dan persembahan penyata kewangan syarikat untuk menyediakan prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan tetapi bukan bertujuan untuk memberi pandangan ke atas keberkesanan kawalan dalaman syarikat. Pengauditan juga meliputi penaksiran prinsip-prinsip penyata kewangan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Pengarah-Pengarah, serta penilaian ke atas pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami percaya bahawa pengauditan kami menyediakan asas yang munasabah untuk kami memberikan pendapat.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan telah disediakan menurut Piawaian Laporan Entiti Persendirian (Private Entity Reporting Standards) dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan syarikat pada 31 DISEMBER 2015 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Penekanan isu

Tanpa mensyaratkan pandangan kami, kami mengarahkan perhatian kepada nota 2 di dalam penyata kewangan yang menyatakan syarikat telah menyediakan penyata kewangan berdasarkan andaian usaha berterusan kerana pada 31 DISEMBER 2015, dana pemegang saham syarikat adalah dalam keadaan negatif RM10,153 yang mana ini menunjukkan wujudnya ketidakpastian material yang mungkin memberi kesan terhadap keupayaan syarikat untuk meneruskan operasinya.

Laporan Ke Atas Lain-Lain Perundangan Dan Keperluan Ketetapan


Menurut keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia kami melaporkan bahawa pada pandangan kami penyata kewangan dan rekod-rekod lain dan daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta disimpan oleh Syarikat disimpan dengan sempurna menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

Lain-Lain Perkara

Penyata ini disediakan hanya untuk pemegang-pemegang saham syarikat, sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap pihak-pihak lain ke atas kandungan laporan ini.



A. RAZAK & CO.
No. : AF 0842
Akauntan-akauntan Bertauliah
Kuala Lumpur, Malaysia.



ABD. RAZAK BIN HJ. NAZAHDIN
1522/03/16(J/PH)
Akauntan Bertauliah

Tarikh : 31 Mac 2016

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2015

	<u>NOTA</u>	<u>2015 RM</u>	<u>2014 RM</u>
ASET			
Aset Bukan Semasa			
Loji dan peralatan	4	293	40,122
Aset Semasa			
Penghutang perniagaan	5	170,382	312,151
Pelbagai penghutang	6	169,269	136,320
Cukai terlebih bayar		1,330	2,185
Simpanan tetap dengan institusi kewangan berlesen	7	65,119	38,891
Tunai di tangan dan di bank	8	281,583	139,521
		<u>687,683</u>	<u>629,068</u>
JUMLAH ASET		<u>687,976</u>	<u>669,190</u>
EKUITI DAN LIABILITI			
Ekuiti boleh diagih kepada pemegang ekuiti syarikat			
Modal saham	9	10,000	10,000
Kumpulan Wang Penyelenggaraan Bangunan	10	115,806	(59,545)
Kerugian terkumpul		(135,959)	(76,897)
		<u>(10,153)</u>	<u>(126,442)</u>
Liabiliti Bukan Semasa			
Pemiutang sewabeli	11	17,784	28,652
Liabiliti Semasa			
Pemiutang perniagaan	12	88,258	85,251
Pelbagai pemiutang dan akruan	13	325,591	332,366
Pemiutang sewabeli	11	10,868	10,868
Jumlah terhutang kepada badan induk utama	14	5,489	88,356
Jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan	15	250,139	250,139
		<u>680,345</u>	<u>766,980</u>
JUMLAH LIABILITI		<u>698,129</u>	<u>795,632</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>687,976</u>	<u>669,190</u>

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	<u>NOTA</u>	<u>2015 RM</u>	<u>2014 RM</u>
Hasil kendalian	16	160,800	225,600
Lain-lain pendapatan		82,763	53,206
Perbelanjaan operasi		(299,585)	(262,729)
(Kerugian)/keuntungan dari operasi	17	<u>(56,022)</u>	<u>16,077</u>
Kos kewangan	18	(3,040)	(3,040)
(Kerugian)/keuntungan sebelum cukai		<u>(59,062)</u>	<u>13,037</u>
Cukai	19	-	(475)
(Kerugian)/keuntungan tahun semasa		<u>(59,062)</u>	<u>12,562</u>

Nota - nota yang disertakan merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini.

**PENYATA PERUBAHAN PADA EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

	Modal Saham RM	Kumpulan Wang Penyelenggaraan Bangunan RM	Kerugian Terkumpul RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2014	10,000	(83,317)	(89,459)	(162,776)
Lebihan tahun semasa	-	23,772	-	23,772
Keuntungan tahun semasa	-	-	12,562	12,562
Baki pada 31 Disember 2014	10,000	(59,545)	(76,897)	(126,442)
Lebihan tahun semasa	-	175,351	-	175,351
Kerugian tahun semasa	-	-	(59,062)	(59,062)
Baki pada 31 Disember 2015	10,000	115,806	(135,959)	(10,153)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	2015 RM	2014 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
(Kerugian)/Keuntungan sebelum cukai	(59,062)	13,037
Pelarasan ke atas:		
Susutnilai loji dan peralatan	39,829	39,939
Faedah diterima	(1,761)	(1,206)
Faedah sewabeli	3,040	3,040
(Kerugian)/Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	(17,954)	54,810
Pengurangan dalam penghutang perniagaan	141,769	37,696
(Penambahan)/Pengurangan dalam pelbagai penghutang	(32,949)	8,695
Penambahan pemiutang perniagaan	3,007	25,137
(Pengurangan)/Penambahan pelbagai pemiutang	(6,775)	6,964
Penambahan jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan	-	7,900
Pengurangan jumlah terhutang kepada badan induk	(82,867)	(40,989)
Penambahan kumpulan wang penyelenggaraan bangunan	175,351	23,772
Tunai diperolehi dari aktiviti operasi	179,582	123,985
Faedah diterima	1,761	1,206
Bayaran cukai	(1,330)	(1,330)
Terimaan cukai terlebih bayar	2,185	-
Faedah dibayar	(3,040)	(3,040)
Aliran bersih tunai diperolehi dari aktiviti operasi	179,158	120,821
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI KEWANGAN		
Pembayaran untuk sewa beli	(10,868)	(10,868)
Aliran bersih tunai digunakan untuk aktiviti kewangan	(10,868)	(10,868)
PENINGKATAN BERSIH DI DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI	168,290	109,953
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN	178,412	68,459
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN	346,702	178,412
Diwakili oleh :-		
Simpanan tetap dengan institusi kewangan berlesen	65,119	38,891
Wang di bank dan di tangan	281,583	139,521
	346,702	178,412

Nota - nota yang disertakan merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA AKAUN - 31 DISEMBER 2015

1. MAKLUMAT KORPORAT

Syarikat adalah sebuah syarikat sendirian berhad, ditubuhkan dan beroperasi di Malaysia. Alamat berdaftar dan alamat perniagaan syarikat ialah di 38-6-5, Shamelin Business Centre, No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur.

Kegiatan utama Syarikat ialah menjalankan perkhidmatan penyelenggaraan bangunan. Tiada perubahan ketara yang berlaku di dalam kegiatan tersebut dalam tahun kewangan yang dilaporkan.

Penyata kewangan dinyatakan dalam Ringgit Malaysia.

Ahli Lembaga Pengarah Syarikat telah meluluskan penyata kewangan pada 31 Mac 2016.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan telah disediakan di bawah piawaian perakaunan yang diluluskan dan diterima pakai di Malaysia dan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Penyata-penyata kewangan Syarikat telah disediakan mengikut konvensyen kos asal dan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

Penyata-penyata kewangan Syarikat telah disediakan berdasarkan konsep andaian usaha berterusan dan kebolehan Syarikat untuk meneruskan operasinya adalah tertakluk kepada sokongan kewangan berterusan daripada syarikat induk dan koperasi induk utama.

3. POLISI PERAKAUNAN

(a) Loji dan peralatan

Loji dan peralatan dinyatakan pada nilai kos sejarah tolak susutnilai terkumpul. Susutnilai loji dan peralatan dikira mengikut kaedah garisan lurus berasaskan usia guna tersebut pada kadar berikut :-

Perabot dan kelengkapan	20%
Komputer	20%
Peralatan	20%
Ubahsuai	20%
Kenderaan	20%

(b) Rosotnilai harta

Loji dan peralatan dan lain-lain aset tetap termasuk aset tidak nyata adalah disemak untuk menentukan samada terdapat sebarang tanda-tanda kerugian nilai kemerosotan. Jika wujud sebarang tanda-tanda tersebut, amaun bolehpulih harta tersebut akan dianggarkan. Kerugian dari kemerosotan nilai diiktiraf apabila amaun bagi aset melebihi amaun bolehpulih. Amaun bolehpulih merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai digunakan, yang mana lebih tinggi.

Kerugian dari kemerosotan nilai dimasukkan ke dalam penyata pendapatan, melainkan ia mengurangkan penilaian semula yang dibuat sebelumnya. Sebarang kenaikan berikutnya di dalam amaun bolehpulih, akan diiktirafkan dalam penyata pendapatan, melainkan ia mengurangkan kerugian atas kemerosotan semula aset, akan diambilkira sebagai lebihan penilaian semula dalam ekuiti.

(c) Pengiktirafan pendapatan

i) Hasil dari perkhidmatan penyenggaraan

Hasil dari perkhidmatan penyenggaraan diiktiraf mengikut asas akruan selepas perkhidmatan diberikan dan diakaunkan ke Kumpulan Wang Penyenggaraan Bangunan.

ii) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa diiktiraf berdasarkan asas akruan.

iii) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah daripada simpanan tetap diiktiraf berdasarkan asas akruan.

(d) Penghutang

Hutang-hutang dianggap tidak dapat dikutip telah dihapuskan manakala elaun yang telah dibuat untuk penghutang yang mana kutipannya diragukan.

(e) Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos di mana ia adalah nilai saksama pertimbangan akan dibayar pada masa hadapan bagi barang dan perkhidmatan yang diterima.

(f) Cukai pendapatan

Cukai pendapatan untuk untung atau rugi bagi tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh cukai bagi tahun semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang dikuatkuasa pada tarikh lembaranimbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh lembaranimbangan di antara asas cukai dan nilai bawaan bagi aset dan liabiliti dalam penyata kewangan. Secara prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh dicukai, dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan sehingga ke tahap di mana perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan boleh direalisasikan dengan keuntungan boleh cukai masa depan yang boleh capai.

Cukai tertunda tidak akan diiktiraf jika perbezaan sementara wujud daripada ihsan atau ihsan negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam transaksi yang bukan kombinasi perniagaan dan pada masa transaksi tersebut, tidak memberi kesan terhadap keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai.

(g) Penyata Aliran Tunai

Syarikat menggunakan kaedah tidak langsung di dalam penyediaan penyata aliran tunainya.

Tunai dan persamaan tunai terdiri daripada baki tunai di tangan dan di bank yang sedia ada untuk ditukarkan kepada jumlah tunai yang tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(h) Pemiutang sewa beli

Harta-harta yang dibiayai melalui perjanjian sewabeli yang pada asalnya memindahkan risiko dan faedah pemilihan harta kepada syarikat telah dipermodalkan di bawah harta tetap. Ianya disusutnilaikan menurut dasar yang dinyatakan di Nota 3(a). Harta dan tanggungan pajakan berkaitan, dicatat pada nilai muka harta pajakan pada permulaan tempoh pajakan masing-masing. Tanggungan belum bayar dimasukkan ke dalam penyata kewangan sebagai liabiliti selepas tolak perbelanjaan kewangan.

4. LOJI DAN PERALATAN

KOS	Perabut dan Kelengkapan RM	Komputer RM	Peralatan RM	Ubahsuai RM	Kenderaan RM	Jumlah RM
Baki pada 1.1.2015	1,200	5,658	104,456	18,550	103,274	233,138
Tambahan	-	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	(23,992)	(9,000)	-	(32,992)
Baki pada 31.12.2015	1,200	5,658	80,464	9,550	103,274	200,146
SUSUTNILAI TERKUMPUL						
Baki pada 1.1.2015	1,200	5,014	87,544	16,640	82,618	193,016
Pertambahan	-	644	16,619	1,910	20,656	39,829
Pelupusan	-	-	(23,992)	(9,000)	-	(32,992)
Baki pada 31.12.2015	1,200	5,658	80,171	9,550	103,274	199,853
NILAI BUKU BERSIH						
Pada 31.12.2015	-	-	293	-	-	293
Pada 31.12.2014	-	644	16,912	1,910	20,656	40,122
Susutnilai tahun 2014	-	646	16,729	1,910	20,654	39,939

5. PENGHUTANG PERNIAGAAN

Tempoh bayaran bagi penghutang perdagangan adalah dalam jangkamasa 30 hingga 90 hari.

6. PELBAGAI PENGHUTANG

	2015 <u>RM</u>	2014 <u>RM</u>
Deposit	47,640	33,840
Pelbagai penghutang	121,629	102,480
	<u>169,269</u>	<u>136,320</u>

7. SIMPANAN TETAP DENGAN INSTITUSI KEWANGAN BERLESEN

Simpanan tetap berjumlah RM65,119 (2014: RM38,891) dengan kadar keuntungan 3.25% hingga 3.45% setahun.

8. TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK

	2015 <u>RM</u>	2014 <u>RM</u>
Diwakili oleh :-		
Wang di bank	281,505	138,521
Wang di tangan	78	1,000
	<u>281,583</u>	<u>139,521</u>

9. MODAL SAHAM

	2015 <u>RM</u>	2014 <u>RM</u>
DIBENARKAN:		
100,000 saham biasa bernilai RM1 setiap satu	100,000	100,000
DITERBITKAN DAN DIBAYAR SEPENUHNYA		
10,000 saham biasa bernilai RM1 setiap satu	10,000	10,000

10. KUMPULAN WANG PENYENGGAARAAN BANGUNAN

Kumpulan Wang ini merujuk kepada pindahan yang akan dibuat kepada Perbadanan Pengurusan mengikut Akta Bangunan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663).

Perubahan dalam tahun semasa adalah seperti berikut:

	2015 <u>RM</u>	2014 <u>RM</u>
<u>Tidak boleh diagihkan</u>		
Baki pada awal tahun	(59,545)	(83,317)
Tambahan/(kurangan) dalam tahun:		
Pindahan kepada penyata pendapatan	131,582	-
Terimaan daripada operasi penyenggaraan	903,627	1,400,360
Tolak: Perbelanjaan penyenggaraan	(859,858)	(1,376,588)
	<u>175,351</u>	<u>23,772</u>
Baki pada akhir tahun	<u>115,806</u>	<u>(59,545)</u>

11. PEMIUTANG SEWABELI

	2015 RM	2014 RM
Nilai semasa pemiutang sewabeli	28,652	39,520
Nilai semasa pemiutang sewabeli:		
Bayaran dalam jangkamasa 12 bulan	10,868	10,868
Bayaran dalam jangkamasa melebihi 12 bulan	17,784	28,652
	28,652	39,520

12. PEMIUTANG PERNIAGAAN

Tempoh bayaran bagi pemiutang perniagaan adalah dalam jangkamasa 30 hingga hingga 90 hari.

13. PELBAGAI PEMIUTANG

	2015 RM	2014 RM
Pelbagai pemiutang	240,189	216,413
Akruan	59,492	66,584
Deposit belum terima	25,910	49,369
	325,591	332,366

14. JUMLAH TERHUTANG KEPADA BADAN INDUK UTAMA

Jumlah terhutang kepada perbadanan induk, Koperasi Shamelin Berhad merupakan baki yang wujud dalam urusan biasa perniagaan. Hutang ini tidak melibatkan sebarang faedah dan skim pembayaran semula tidak ditetapkan.

15. JUMLAH TERHUTANG KEPADA SYARIKAT BERKAITAN

Jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan ini tidak mempunyai tempoh pembayaran balik yang tetap, tidak bercagar dan tidak dikenakan faedah.

16. HASIL KENDALIAN

Hasil jualan berdasarkan yuran pengurusan yang dikenakan untuk khidmat penyelenggaraan bangunan – bangunan.

17. KEUNTUNGAN DARI OPERASI

Keuntungan dari operasi adalah selepas mengambilkira perkara-perkara berikut:

	2015 RM	2014 RM
Ditolak:		
Susutnilai loji dan peralatan	39,829	39,939
Ganjaran pengarah	16,884	22,277
Yuran juruaudit	1,000	1,000
Yuran pengurusan kepada badan induk utama	87,780	156,000
Sewa pejabat	-	2,340
Hapuskira defisit terkumpul untuk Projek Arena	131,582	-
Hutang lapuk	-	8,792
Ditambah:		
Sewa khemah	48,000	52,000
Pendapatan faedah	1,761	1,206

18. KOS KEWANGAN

	2015 RM	2014 RM
Keuntungan sewa beli	<u>3,040</u>	<u>3,040</u>

19. CUKAI

	2015 RM	2014 RM
Cukai tahun semasa	-	241
Kurangan peruntukan tahun lalu	<u>-</u>	<u>234</u>
	<u>-</u>	<u>475</u>

Penyata penyesuaian cukai dibuat ke atas (kerugian)/keuntungan sebelum cukai pada kadar cukai berkanun dengan keuntungan sebelum cukai pada kadar cukai efektif adalah seperti berikut:

	2015 RM	2014 RM
(Kerugian)/Keuntungan sebelum cukai	<u>(59,062)</u>	<u>13,037</u>
Cukai pada kadar cukai berkanun Malaysia:		
- sehingga RM500,000 pada kadar 20%	(11,812)	2,607
Perbelanjaan yang tidak dibenarkan untuk tujuan cukai	34,602	13,306
Penggunaan elaun modal dan kerugian syarikat terkumpul	(22,790)	(15,672)
Kurangan peruntukan tahun lalu	<u>-</u>	<u>234</u>
Perbelanjaan cukai	<u>-</u>	<u>475</u>

20. URUSNIAGA PENTING DENGAN BADAN INDUK UTAMA

	2015 RM	2014 RM
Yuran pengurusan	<u>87,780</u>	<u>156,000</u>

21. INSTRUMEN KEWANGAN**(a) Objektif Pengurusan Risiko Kewangan**

Objektif pengurusan risiko kewangan syarikat adalah untuk mengenal pasti dan mengawal risiko yang terdedah kepada syarikat bagi meminimumkan atau mengelak kerugian kesan daripada risiko kadar faedah, risiko kredit dan risiko kecairan dan aliran tunai serta meningkatkan pulangan.

(b) Risiko Kadar Faedah

Syarikat mempunyai risiko kadar faedah terhadap pinjaman serta simpanan yang dibuat dengan institusi kewangan yang dibenarkan. Pinjaman dan faedah simpanan adalah berasaskan pada kadar faedah tetap.

Pergerakan kadar faedah di pasaran sentiasa diawasi bagi memastikan kadar faedah yang kompetitif dan pengurusan instrumen kewangan yang efektif.

(c) Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan daripada kegagalan mematuhi akujanji oleh pihak yang mempunyai kontrak dengan syarikat. Syarikat terdedah kepada risiko kredit terutamanya terhadap pelbagai penghutang.

Risiko kredit ditentukan oleh jawatankuasa pengurusan yang menetapkan polisi, penilaian serta mengambil tindakan yang bersesuaian.

(d) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Kecairan atau risiko pembiayaan adalah risiko ketidakupayaan untuk memenuhi kontrak termaktub di instrumen kewangan manakala risiko aliran tunai adalah risiko ketidaktentuan aliran tunai masa hadapan yang berkaitan dengan instrumen kewangan tunai.

(e) Nilai saksama

Adalah tidak praktikal untuk menentukan nilai saksama ke atas baki terhutang oleh dan kepada badan induk dan syarikat berkaitan adalah disebabkan tidak terdapatnya terma pembayaran balik yang tetap.

Nilai dibawa untuk lain-lain aset dan liabiliti kewangan Syarikat pada tarikh lembaran imbalan menghampiri nilai saksama masing-masing.

Difaillkan oleh:

Haji Othman bin Mohd Shah (LS 06198)
38-6-5, Shamelin Business Centre
No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa
56100 Kuala Lumpur

**PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

	2015 RM	2014 RM
HASIL KENDALIAN		
Yuran pengurusan ke atas penyelenggaraan	160,800	225,600
LAIN-LAIN PENDAPATAN		
Pendapatan faedah	1,761	1,206
Sewa khemah dan peralatan	48,000	52,000
Caj pentadbiran	33,002	-
	<u>82,763</u>	<u>53,206</u>
	243,563	278,806
TOLAK:		
Perbelanjaan operasi (NOTA 1)	299,585	262,729
Kos kewangan (NOTA 1)	3,040	3,040
	<u>302,625</u>	<u>265,769</u>
(KERUGIAN)/KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	<u>(59,062)</u>	<u>13,037</u>

NOTA 1

	2015 RM	2014 RM
PERBELANJAAN OPERASI		
Alatulis dan percetakan	1,757	3,580
Caj bank	263	48
Ganjaran pengarah	16,884	22,277
Hapuskira defisit terkumpul bagi Projek Arena	131,582	-
Hutang lapuk	-	8,792
Insuran dan cukai jalan	-	2,554
Penyelenggaraan pejabat	374	859
Perbelanjaan mesyuarat	-	238
Perbelanjaan perjalanan	1,167	1,181
Perbelanjaan lain	-	4,198
Sewa pejabat	-	2,340
Susutnilai loji dan peralatan	39,829	39,939
Telefon dan pos		
- Telefon	2,400	2,050
- Pos	1,899	3,023
Yuran juruaudit	1,000	1,000
Yuran kontrak selenggara komputer	1,050	1,050
Yuran setiausaha syarikat	12,000	12,000
Yuran pengurusan kepada badan induk utama	87,780	156,000
Yuran perunding cukai	1,600	1,600
	<u>299,585</u>	<u>262,729</u>

KOS KEWANGAN

Keuntungan sewa beli	3,040	3,040
----------------------	-------	-------

KSB HARTANAH SDN. BHD. (16474 H)
(Ditubuhkan di Malaysia)

MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

Haji Ismail bin Muda
Tan Sri Haji Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman

SETIAUSAHA SYARIKAT

Haji Othman bin Mohd Shah (LS 06198)

ALAMAT BERDAFTAR

38-6-5, Shamelin Business Centre
No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa
56100 Kuala Lumpur

ALAMAT PERNIAGAAN

38-6-5, Shamelin Business Centre
No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa
56100 Kuala Lumpur

JURUAUDIT

A. Razak & Co. (AF 0842)
Chartered Accountants
51-D, 2nd Floor, Jalan Pandan 3/10
Pandan Jaya
55100 Kuala Lumpur

BANK

RHB Islamic Bank Berhad

LAPORAN PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan serta penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 DISEMBER 2015.

AKTIVITI UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah syarikat pemegangan pelaburan dan pengurusan projek.

Syarikat telah menghentikan operasi perniagaan semenjak tahun kewangan berakhir 31 DISEMBER 2012.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	<u>RM</u>
Kerugian tahun semasa	<u>(11,256)</u>

DIVIDEN

Tiada dividen telah dibayar atau diisytiharkan oleh Syarikat dalam tahun berakhir 31 DISEMBER 2015.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Dalam tahun kewangan ini, tiada pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan selain dari yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

TERBITAN MODAL SAHAM DAN DEBENTUR

Tiada sebarang saham atau debentur yang diterbitkan bagi tahun kewangan berakhir 31 DISEMBER 2015.

LEMBAGA PENGARAH

Para pengarah yang berkhidmat untuk Syarikat sejak tarikh laporan kewangan yang lepas:

Datuk Haji Abu bin Pit	(Meletak jawatan pada 21.10.2015)
Prof. Madya Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan	(Meletak jawatan pada 21.10.2015)
Tan Sri Haji Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman	(Dilantik pada 21.10.2015)
Haji Ismail bin Muda	(Dilantik pada 21.10.2015)

MANFAAT PARA PENGARAH

Semasa dan pada akhir tahun kewangan tidak terdapat sebarang perjanjian yang membabitkan Syarikat dengan perkara-perkara yang membolehkan para Pengarah Syarikat memperolehi faedah-faedah dengan cara memiliki saham-saham atau debentur di dalam Syarikat atau dalam badan-badan korporat yang lain.

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tiada Pengarah yang menerima atau layak untuk menerima sebarang faedah berdasarkan kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau dengan Syarikat lain yang berkaitan dengan Pengarah atau dengan sebuah syarikat lain di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang perlu dinyatakan menurut seksyen 169(8) Akta Syarikat, 1965.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Menurut daftar yang perlu disimpan dibawah seksyen 134 Akta Syarikat 1965, tiada Pengarah yang memegang sebarang saham di dalam syarikat pada akhir tempoh kewangan.

PERBADANAN INDUK

Perbadanan induk adalah Koperasi Shamelin Berhad, sebuah Koperasi yang didaftarkan di Malaysia, di bawah Akta Koperasi, 1993.

HUTANG RAGU DAN HUTANG LAPUK

- (a) Sebelum Penyata Pendapatan dan Lembaran Imbangan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa tindakan untuk menghapuskira hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu yang berkaitan telah diambil, dan memastikan segala hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira serta peruntukan yang mencukupi bagi hutang ragu telah dibuat.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah Syarikat tidak menyedari sebarang kemungkinan yang menjadikan amaun yang dihapuskira bagi hutang lapuk atau amaun yang diperuntukan bagi hutang ragu bagi Syarikat tidak mencukupi kepada sebarang peringkat yang tinggi.

ASET SEMASA

- (a) Sebelum Penyata Pendapatan dan Lembaran Imbangan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menentukan sama ada sebarang aset semasa, selain hutang, nilainya tidak mungkin dapat direalisasikan mengikut cara biasa perniagaan Syarikat seperti yang ditunjukkan di dalam rekod-rekod perakaunan Syarikat malah ada kalanya apabila pasti, telah dicatatkan mengikut amaun yang seharusnya direalisasikan.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah Syarikat tidak menyedari sebarang hal yang akan menyebabkan penilaian aset semasa di dalam akaun Syarikat mengelirukan.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari sebarang hal yang timbul yang menyebabkan kaedah penilaian aset dan liabiliti Syarikat yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.

LIABILITI LUAR JANGKA DAN LAIN-LAIN

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:-

- (i) Sebarang cagaran ke atas aset-aset Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan dan liabiliti mana-mana orang atau
- (ii) sebarang liabiliti luar jangka yang berkaitan dengan Syarikat yang tertimbul sejak akhir tahun kewangan.

Pada pendapat para pengarah, tidak ada sebarang liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah berkuatkuasa atau yang berkemungkinan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan yang menyusul dengan ketaranya akan atau mungkin menjejaskan kemampuan Syarikat untuk memenuhi tanggungjawabnya pada atau apabila sampai masanya.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari apa-apa keadaan, yang tidak dinyatakan di dalam laporan atau akaun syarikat, yang mewajarkan mana-mana amaun di dalam akaun mengelirukan.

BUTIRAN LUAR BIASA

- (a) Pada pendapat para pengarah, hasil operasi perniagaan syarikat bagi tahun kewangan adalah tidak nyata dijejaskan oleh butiran atau urusan luar biasa.
- (b) Pada pendapat para pengarah, tidak terdapat perkara yang timbul dalam jangka masa dari tarikh akhir tahun kewangan hingga tarikh laporan ini, tentang apa-apa butiran, urusan yang luar biasa yang mungkin, akan menjejaskan hasil kendalian syarikat bagi tahun kewangan ini dengan ketaranya.

JURUAUDIT BEBAS

Juruaudit bebas, Tetuan A. Razak & Co. telah menyatakan kesediaan mereka untuk dilantik semula.

Ditandatangani menerusi resolusi Lembaga Pengarah,



HAJI ISMAIL BIN MUDA
Pengarah



TAN SRI HAJI ABDUL RASHID
BIN HAJI ABDUL RAHMAN
Pengarah

Kuala Lumpur

Tarikh: 31 Mac 2016

KENYATAAN PARA PENGARAH

Menurut Peruntukan Seksyen 169(15) Akta Syarikat 1965

Kami, HAJI ISMAIL BIN MUDA dan TAN SRI HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI ADDUL RAHMAN, para Pengarah KSB HARTANAH SDN. BHD., menyatakan bahawa, pada pendapat kami, penyata-penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 151 hingga 160 telah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan Syarikat pada 31 DISEMBER 2015 dan keputusan serta aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut sejajar dengan Piawaian Laporan Entity Persendirian (Private Entity Reporting Standards) serta peruntukan Akta Syarikat 1965.

Ditandatangani menerusi resolusi Lembaga Pengarah,



HAJI ISMAIL BIN MUDA
Pengarah



TAN SRI HAJI ABDUL RASHID
BIN HAJI ABDUL RAHMAN
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh : 31 Mac 2016

AKUAN BERKANUN

Menurut Peruntukan Seksyen 169(16) Akta Syarikat 1965

Saya, HAJI ISMAIL BIN MUDA, pengarah yang terutama bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan KSB HARTANAH SDN. BHD. dengan ikhlasnya mengaku bahawa penyata-penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 151 hingga 160, pada pendapat saya, benar dan saya membuat akuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya benar, dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui dengan
sesungguhnya oleh penama
di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan
pada 31 Mac 2016

)
)
)
)



HAJI ISMAIL BIN MUDA

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah
Kuala Lumpur.





51-2D, 2nd Floor, Jalan Pandan 3/10,
Pandan Jaya, 55100 Kuala Lumpur.
Tel : 03-92829032 (Hunting Line)
92819844, 92812044, 92859768
Fax : 03-92853870, 92853871
E-mail : arazaknco@gmail.com
Website : www.arazaknco.com

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI
KSB HARTANAH SDN. BHD. (16474 H)
(Ditubuhkan di Malaysia)**

Laporan Ke Atas Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata-penyata kewangan KSB HARTANAH SDN. BHD. merangkumi Lembaran Imbangan Syarikat pada 31 DISEMBER 2015, penyata pendapatan, penyata perubahan pada ekuiti dan penyata aliran tunai Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut serta satu ringkasan dasar perakaunan yang penting dan nota-nota lain, seperti yang dibentangkan pada muka surat 11 hingga 23.

Tanggungjawab Pengarah Ke Atas Penyata Kewangan

Pengarah-pengarah Syarikat bertanggungjawab atas penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang saksama menurut Piawaian Laporan Entiti Persendirian (Private Entity Reporting Standards) dan Akta Syarikat, 1965. Tanggungjawab ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan mengekalkan kawalan dalaman yang relevan atas penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang bebas daripada salahnyata yang ketara sama ada daripada penipuan atau kesilapan; memilih dan menggunakan dasar perakaunan yang bersesuaian; dan dalam keadaan tertentu membuat anggaran perakaunan yang munasabah.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat tentang penyata kewangan berdasarkan audit yang dilaksanakan. Kami melaksanakan pengauditan kami menurut Piawaian-Piawaian Audit berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian itu memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk memperolehi keyakinan yang munasabah sama ada penyata-penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami mengambil kira kawalan dalaman yang bersesuaian untuk Syarikat dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman pihak Syarikat. Sesuatu audit juga termasuk penilaian kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

Pendapat


Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Entiti Persendirian (Private Entity Reporting Standards) dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 31 DISEMBER 2015 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Laporan Ke Atas Lain-Lain Perundangan Dan Keperluan Ketetapan

Menurut keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia kami melaporkan bahawa pada pandangan kami penyata kewangan dan rekod-rekod lain dan daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta disimpan oleh Syarikat disimpan dengan sempurna menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

Lain-Lain Perkara

Penyata ini disediakan hanya untuk pemegang-pemegang saham syarikat, sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap pihak-pihak lain ke atas kandungan laporan ini.



A. RAZAK & CO.
No. : AF 0842
Akauntan-akauntan Bertauliah
Kuala Lumpur

Tarikh : 31 Mac 2016



ABD. RAZAK BIN HJ. NAZAH DIN
522/03/16(J/PH)
Akauntan Bertauliah

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2015

	<u>NOTA</u>	<u>2015</u> <u>RM</u>	<u>2014</u> <u>RM</u>
ASET			
Aset Bukan Semasa			
Loji dan peralatan	4	-	-
Syarikat bersekutu	5	1	1
		1	1
Aset Semasa			
Pelbagai penghutang	6	136,998	147,093
Jumlah terhutang oleh syarikat berkaitan	7	1,011,022	1,011,022
Wang di tangan dan di bank		34,600	35,721
		1,182,620	1,193,836
JUMLAH ASET		<u>1,182,621</u>	<u>1,193,837</u>
EKUITI DAN LIABILITI			
Ekuiti boleh diagih kepada pemegang ekuiti syarikat			
Modal saham	8	20,002	20,002
Keuntungan terkumpul		697,861	709,117
Jumlah ekuiti		717,863	729,119
Liabiliti Semasa			
Pemiutang perniagaan	9	41,235	41,235
Pelbagai pemiutang	10	15,385	15,345
Jumlah terhutang kepada koperasi induk	11	405,601	405,601
Wang tertahan		2,537	2,537
		464,758	464,718
JUMLAH LIABILITI		464,758	464,718
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>1,182,621</u>	<u>1,193,837</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	<u>NOTA</u>	<u>2015</u> <u>RM</u>	<u>2014</u> <u>RM</u>
Hasil kendalian		-	-
Perbelanjaan operasi		(11,256)	(1,135)
Kerugian sebelum cukai	12	<u>(11,256)</u>	<u>(1,135)</u>
Cukai	13	-	-
Kerugian tahun semasa		<u><u>(11,256)</u></u>	<u><u>(1,135)</u></u>

**PENYATA PERUBAHAN PADA EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

	Modal	Keuntungan	
	<u>Saham</u> <u>RM</u>	<u>Terkumpul</u> <u>RM</u>	<u>Jumlah</u> <u>RM</u>
Baki pada 1 Januari 2014	20,002	710,252	730,254
Kerugian tahun semasa	-	(1,135)	(1,135)
Baki pada 31 Disember 2014	<u>20,002</u>	<u>709,117</u>	<u>729,119</u>
Kerugian tahun semasa	-	(11,256)	(11,256)
Baki pada 31 DISEMBER 2015	<u><u>20,002</u></u>	<u><u>697,861</u></u>	<u><u>717,863</u></u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	2015 <u>RM</u>	2014 <u>RM</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Kerugian sebelum cukai	(11,256)	(1,135)
Pelarasan:		
Hutang lapuk	-	-
Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja	(11,256)	(1,135)
Pengurangan/(Penambahan) dalam penghutang	10,095	(305)
Penambahan/(Pengurangan) dalam pemiutang	40	(40)
Penambahan dalam hutang kepada koperasi induk	-	305
Aliran tunai digunakan untuk aktiviti operasi	(1,121)	(1,175)
Cukai dipulangkan	-	4,998
Aliran tunai bersih (digunakan untuk)/dihasilkan dari aktiviti operasi	(1,121)	3,823
Kenaikan bersih di dalam tunai dan setara tunai	(1,121)	3,823
Tunai dan setara tunai di awal tahun	35,721	31,898
Tunai dan setara tunai di akhir tahun	<u>34,600</u>	<u>35,721</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2015

1. MAKLUMAT KORPORAT

Syarikat adalah sebuah syarikat sendirian berhad, ditubuhkan dan beroperasi di Malaysia.

Alamat berdaftar syarikat ialah di 38-6-5, Shamelin Business Centre, No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur.

Kegiatan utama Syarikat adalah syarikat pemegangan pelaburan dan pengurusan projek.

Syarikat telah menghentikan operasi perniagaan semenjak tahun kewangan berakhir 31 DISEMBER 2012.

Penyata kewangan dinyatakan dalam Ringgit Malaysia.

Penyata kewangan telah diluluskan untuk diisu oleh Lembaga Pengarah sejajar dengan Resolusi Pengarah pada 31 Mac 2016

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan telah disediakan di bawah piawaian perakaunan yang diluluskan dan diterima pakai di Malaysia dan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Penyata kewangan telah disediakan mengikut konvensyen kos asal dan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

3. POLISI PERAKAUNAN

(a) Loji dan Peralatan dan Susutnilai

(i) Harta-harta Pemilikan

Loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos atau pada harga penilaian ditolak susutnilai terkumpul. Sebarang lebihan disebabkan oleh penilaian dikreditkan terus kepada rizab modal.

(ii) Susutnilai

Loji dan peralatan adalah disusutnilaikan dengan menggunakan kaedah garis lurus untuk menghapuskura kos loji dan peralatan ke atas jangka hayat penggunaannya dan dikurangkan dengan kerugian jatuh nilai aset tersebut. Kadar susutnilai yang digunakan adalah seperti berikut :-

	%
Kelengkapan pejabat	20
Perabut dan lengkapan	20
Ubahsuai	20
Peralatan komputer	20

(b) Pelaburan

Pelaburan dalam saham-saham yang disebut harga yang dipegang sebagai pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos kecuali jika terdapat rosot nilai yang kekal di mana elaun telah dibuat.

Pendapatan yang diterima dari pelaburan dimasukkan ke penyata pendapatan berdasarkan perolehan.

(c) Penghutang

Hutang-hutang dianggap tidak dapat dikutip telah dihapuskan manakala elaun yang telah dibuat untuk penghutang yang mana kutipannya diragukan.

(d) Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos di mana ia adalah nilai saksama pertimbangan akan dibayar pada masa hadapan bagi barang dan perkhidmatan yang diterima.

(e) Pemiutang sewabeli

Kos-kos harta yang dibiayai melalui sewabeli, dipermodalkan sebagai harta tetap dan disusutnilaikan menggunakan kaedah garis lurus mengikut kadar tahunan berdasarkan jangka hayat penggunaan harta berkenaan. Faedah yang dikenakan ke atas sewabeli tersebut dicajkan kepada penyata pendapatan sebagai belanja di sepanjang tempoh sewabeli tersebut.

(f) Cukai pendapatan

Cukai pendapatan untuk untung atau rugi bagi tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh cukai bagi tahun semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang dikuatkuasa pada tarikh lembaran imbalan.

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh lembaran imbalan di antara asas cukai dan nilai bawaan bagi aset dan liabiliti dalam penyata kewangan. Secara prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh dicukai, dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan sehingga ke tahap di mana perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan boleh direalisasikan dengan keuntungan boleh cukai masa depan yang boleh capai.

Cukai tertunda tidak akan diiktiraf jika perbezaan sementara wujud daripada ihsan atau ihsan negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam transaksi yang bukan kombinasi perniagaan dan pada masa transaksi tersebut, tidak memberi kesan terhadap keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang diramal akan dikenakan dalam tempoh apabila aset itu direalisasikan, atau liabiliti itu diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah dikuatkuasa ataupun telah dikuatkuasa sebahagian besarnya pada tarikh lembaran imbalan. Cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali jika terhasil daripada transaksi yang diiktiraf terus ke dalam ekuiti, di mana cukai tertunda dicajkan atau dikreditkan terus ke dalam ekuiti ataupun bila ia terhasil daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambilalihan syarikat di mana cukai tertunda dimasukkan ke dalam ihsan atau ihsan negatif yang terhasil.

(g) Pemiutang sewa beli

Harta-harta yang dibiayai melalui perjanjian sewabeli yang pada asalnya memindahkan risiko dan faedah pemilihan harta kepada syarikat telah dipermodalkan di bawah harta tetap. Ianya disusutnilaikan menurut dasar yang dinyatakan di Nota 3(a)(ii). Harta dan tanggungan pajakan berkaitan, dicatat pada nilai muka harta pajakan pada permulaan tempoh pajakan masing-masing. Tanggungan belum bayar dimasukkan ke dalam penyata kewangan sebagai liabiliti selepas tolak perbelanjaan kewangan.

(h) Kemerosotan Nilai Aset

Loji dan peralatan dan lain-lain aset tetap termasuk aset tidak nyata adalah disemak untuk menentukan samada terdapat sebarang tanda-tanda kerugian nilai kemerosotan. Jika wujud sebarang tanda-tanda tersebut, amaun bolehpulih harta tersebut akan dianggarkan. Kerugian dari kemerosotan nilai diiktiraf apabila amaun bagi aset melebihi amaun bolehpulih. Amaun bolehpulih merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai digunakan, yang mana lebih tinggi.

Kerugian dari kemerosotan nilai dimasukkan ke dalam penyata pendapatan, melainkan ia mengurangkan penilaian semula yang dibuat sebelumnya. Sebarang kenaikan berikutnya di dalam amaun bolehpulih, akan diiktirafkan dalam penyata pendapatan, melainkan ia mengurangkan kerugian atas kemerosotan semula aset, akan diambilkira sebagai lebihan penilaian semula dalam ekuiti.

(i) Tunai dan Persamaan Tunai

Tunai dan persamaan tunai meliputi tunai dan baki di bank

(j) Manfaat Pekerja

i) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial telah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Koperasi. Ketakhadiran diberi pampasan terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka kepada ketakhadiran masa hadapan diberi pampasan, dan ketakhadiran diberi pampasan tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketakhadiran berlaku.

ii) Pelan caruman dinyatakan

Sebagaimana dikehendaki oleh undang-undang, pihak majikan di Malaysia perlu membuat caruman kepada skim pencen negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan sebagaimana ditanggung.

4. LOJI DAN PERALATAN

	Kelengkapan pejabat RM	Perabut dan lengkapan RM	Ubahsuai RM	Peralatan komputer RM	Jumlah RM
<u>Kos</u>					
Baki pada 1.1.2015	18,134	24,169	252,199	31,695	326,197
Tambahan	-	-	-	-	-
Baki pada 31.12.2015	18,134	24,169	252,199	31,695	326,197
<u>Susutnilai Berkumpul</u>					
Baki pada 1.1.2015	18,134	24,169	252,199	31,695	326,197
Susutnilai	-	-	-	-	-
Baki pada 31.12.2015	18,134	24,169	252,199	31,695	326,197
<u>Nilai Buku Bersih</u>					
Pada 31.12.2015	-	-	-	-	-
Pada 31.12.2014	-	-	-	-	-
Susutnilai 2014	-	-	-	-	-

5. SYARIKAT BERSEKUTU

	2015 RM	2014 RM
Saham taksiarharga-pada kos	190,000	190,000
Tolak: Peruntukan rosotnilai	(189,999)	(189,999)
	<u>1</u>	<u>1</u>

Syarikat bersekutu yang diperbadankan di Malaysia adalah seperti berikut :-

Nama Syarikat	Kepentingan ekuiti		Kegiatan Utama
	2015	2014	
	%	%	
Perkapalan Shamelin Jaya Sdn Bhd	40	40	Tidak aktif

6. PELBAGAI PENGHUTANG

	2015 RM	2014 RM
Pelbagai penghutang	136,998	136,998
Sewa belum Terima	-	10,095
	<u>136,998</u>	<u>147,093</u>

7. JUMLAH TERHUTANG OLEH SYARIKAT BERKAITAN

Jumlah terhutang oleh syarikat berkaitan tidak dikenakan sebarang faedah, tidak bercagar dan tidak mempunyai tempoh pembayaran balik yang ditetapkan.

8. MODAL SAHAM

	2015 RM	2014 RM
Dibenarkan: 2,000,000 saham biasa bernilai RM1 setiap satu	<u>2,000,000</u>	<u>2,000,000</u>
Diterbitkan dan dibayar sepenuhnya 20,002 saham biasa bernilai RM1 setiap satu	<u>20,002</u>	<u>20,002</u>

9. PEMIUTANG PERDAGANGAN

Tempoh bayaran bagi pemiutang perdagangan adalah dalam jangkamasa 30 hingga 90 hari.

10. PELBAGAI PEMIUTANG

	2015 RM	2014 RM
Pelbagai pemiutang	1,260	1,220
Akruan	<u>14,125</u>	<u>14,125</u>
	<u>15,385</u>	<u>15,345</u>

11. JUMLAH TERHUTANG KEPADA KOPERASI INDUK

Koperasi induk adalah Koperasi Shamelin Berhad, sebuah koperasi yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi, 1993.

Jumlah terhutang kepada koperasi induk ini tidak dikenakan sebarang faedah, tidak bercagar dan tidak mempunyai tempoh pembayaran balik yang ditetapkan.

12. KERUGIAN SEBELUM CUKAI

Perkara-perkara berikut telah dicaj bagi mendapatkan kerugian sebelum cukai :-

	2015 RM	2014 RM
Yuran juruaudit	<u>1,000</u>	<u>1,000</u>

13. CUKAI

	2015 RM	2014 RM
Cukai tahun semasa	<u>-</u>	<u>-</u>
Penyesuaian antara perbelanjaan cukai dan cukai atas kerugian daripada aktiviti biasa sebelum cukai adalah seperti berikut:		
	2015 RM	2014 RM
Kerugian sebelum cukai	<u>(11,256)</u>	<u>(1,135)</u>
Cukai dikira mengikut kadar cukai Malaysia 20%	(2,251)	(227)
Perbelanjaan tidak dibenarkan bagi tujuan cukai	<u>2,251</u>	<u>227</u>
	<u>-</u>	<u>-</u>

14. INSTRUMEN KEWANGAN

(a) Objektif Pengurusan Risiko Kewangan

Objektif pengurusan risiko kewangan syarikat adalah untuk mengenal pasti dan mengawal risiko yang terdedah kepada syarikat bagi meminimumkan atau mengelak kerugian kesan daripada risiko kadar faedah, risiko kredit dan risiko kecairan dan aliran tunai serta meningkatkan pulangan.

(b) Risiko Kadar Faedah

Syarikat mempunyai risiko kadar faedah terhadap pinjaman serta simpanan yang dibuat dengan institusi kewangan yang dibenarkan. Pinjaman dan faedah simpanan adalah berasaskan pada kadar faedah tetap.

Pergerakan kadar faedah di pasaran sentiasa diawasi bagi memastikan kadar faedah yang kompetitif dan pengurusan instrumen kewangan yang efektif.

(c) Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan daripada kegagalan mematuhi akujanji oleh pihak yang mempunyai kontrak dengan syarikat. Syarikat terdedah kepada risiko kredit terutamanya terhadap pelbagai penghutang.

Risiko kredit ditentukan oleh jawatankuasa pengurusan yang menetapkan polisi, penilaian serta mengambil tindakan yang bersesuaian.

(d) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Kecairan atau risiko pembiayaan adalah risiko ketidakupayaan untuk memenuhi kontrak termaktub di instrumen kewangan manakala risiko aliran tunai adalah risiko ketidaktentuan aliran tunai masa hadapan yang berkaitan dengan instrumen kewangan tunai.

(e) Nilai saksama

Adalah tidak praktikal untuk menentukan nilai saksama ke atas jumlah terhutang oleh syarikat berkaitan dan kepada perbadanan induk disebabkan ketiadaan tempoh tetap bayaran balik.

Nilai dibawa untuk lain-lain aset dan liabiliti kewangan Syarikat pada tarikh lembaranimbangan menghampiri nilai saksama masing-masing.

Difaillkan oleh:

Haji Othman bin Mohd Shah (LS 06198)
38-6-5, Shamelin Business Centre
